

T5B1 - KEDAULATAN NEGARA

1.1 Konsep Kedaulatan

- Kedaulatan ditakrifkan sebagai kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas dan mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.

1. Takrif Kedaulatan

(a) Bahasa Yunani

- Supernuus/superanus - agung/tertinggi (negara yang bebas dan merdeka).

(b) Bahasa Inggeris

- Sovereignty - negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan.

(c) Bahasa Arab

- Daulah - kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.

(d) Bahasa Melayu

- Daulat - kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara.

2. Pandangan Tokoh

(i) Aristotle (Ahli Falsafah Yunani)

- Kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara kerajaan yang terikat oleh undang-undang.

(ii) Ibnu Khaldun (Ilmuwan Islam)

- Kekuatan dan kekuasaan berasaskan semangat kakitangan bangsanya kekuatan semangat beragama - sanggup berkorban demi mencapai cita-cita yang sama.

(iii) Jean Bodin (Ahli Falsafah Politik Perancis)

- Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara sifat kekal dan mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat undang-undang, mentafsir dan melaksanakannya.

(iv) Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (Perdana Menteri Malaysia Pertama)

- Dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

(v) Tun Dr. Mohamed Salleh Abas (Mantan Ketua Hakim Negara)

- Asas negara yang merdeka memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa.

3. Jenis Kedaulatan

(a) Kedaulatan Tradisional

- Sistem pemerintahan berkuasa mutlak
- Negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu.

- Raja - pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi.
- Diperkukuh oleh taat setia rakyat.

(b) Kedaulatan Moden

- Idea kemunculan negara bagsa selepas Revolusi Keagungan dan Perancis.
- Hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan.
- (Selepas Perang Dunia Pertama) nasionalisme yang menggunakan unsur persamaan rumoun bangsa dan bahasa untuk membentuk negara bangsa.
- Kedaulatan negara kita lahir hasil gabungan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Persekutuan Malaysia 1963.

(c) Kedaulatan Undang-undang

- Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi.
- Menjamin keadilan dan menjaga negara aman, stabil dan makmur.
- Badan kehakiman diwujudkan untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang-undang.
- Menjadi prinsip keempat dalam Rukun Negara.

(d) Kedaulatan Antarabangsa

- Merujuk pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap negara yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain.
- Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970, sahkan prinsip persamaan kedaulatan dari segi undang-undang antarabangsa.
- Keanggotaan negara kita dalam PBB buktikan, dunia mengiktiraf negara kita sebagai negara yang bebas, merdeka dan berdaulat.

1.2 Ciri Negara yang Berdaulat

- Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya.

1. Ciri Negara yang Berdaulat

(a) Mempunyai Pemerintahan

- Diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi.
- Pemerintahan dijalankan secara teratur.
- Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.
- Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong.
- Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri yang dibantu oleh Jemaah Menteri.

(b) Mempunyai Sempadan

- Sempadan - garis pemisah antara negeri atau negara.
- Malaysia kongsi sempadan darat, air dan udara dengan Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina.
- Memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran dan pembangunan ekonomi negara kita.

(c) Mempunyai Perundangan

- Merupakan asas peraturan negara.
- Memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat.
- Asas kepada sistem perundangan negara kita berpandukan Perlembagaan Persekutuan.
- Parlimen menggubal dan menentukan sistem perundangan negara kita.

(d) Mempunyai Rakyat

- Rakyat terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah.
- Rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam.
- Disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama.

1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

(a) Keberkesanan Pentadbiran

- Memberi kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar.
- Dasar pentadbiran negara dilaksanakan melalui Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan.
- Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dilakukan melalui pengagihan kuasa mewujudkan keberkesanan pentadbiran.
- Diperkukuh melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan.

(b) Kemakmuran Ekonomi

- Selepas kemerdekaan, pelbagai usaha diambil untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat.
- Pembangunan ekonomi meliputi bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan.

(c) Kesejahteraan Sosial

- Negara melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran melalui pendidikan agar mereka dapat bagi

sumbangan untuk pembangunan negara.

- Bahasa kebangsaan, kebudayaan, sukan dan Rukun Negara diperkenalkan untuk memupuk perasaan muhibah dan semangat perpaduan.

(d) Kecemerlangan Hubungan Luar Negara

- Dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara kita.
- Dapat menjalinkan hubungan diplomatik dan persahabatan dengan negara lain.
- Mengadakan perjanjian dan kerjasama dalam pelbagai bidang.
- Dapat meningkatkan imej negara.

1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan

1. Mewujudkan Kestabilan Politik dan Kemakmuran Ekonomi

(a) Pemerintah

- Mewujudkan pentadbiran yang cekap.
- Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran.
- Memastikan agihan sumber kekayaan negeri secara adil kepada semua kaum melalui dasar pembangunan ekonomi.
- Melaksanakan undang-undang negara menurut perlembagaan secara berkesan.

(b) Rakyat

- Memberikan kesetiaan kepada raja dan negara.
- Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan bagi mewujudkan kestabilan politik.
- Memupuk kerjasama dengan semua kaum supaya agihan kekayaan negara dinikmati oleh semua.
- Mematuhi undang-undang negara.

2. Mengekalkan Perpaduan Kaum

(a) Pemerintah

- Menggubal dasar dan undang-undang berkaitan dengan perpaduan kaum serta integrasi nasional.
- Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa, pendidikan dan kebudayaan oleh kementerian serta agensi berkaitan.
- Merangka program serta kempen ke arah memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- Memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk program memupuk perpaduan kaum.

(b) Rakyat

- Menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip Rukun Negara yang menjamin perpaduan kaum.
- Memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum.
- Mengamalkan semangat perkongsian, bertoleransi dan saling menghormati sesama rakyat Malaysia.
- Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dapat memupuk kerjasama antara kaum.

3. Memupuk Patriotisme

Maksud

- Patriotisme ialah perasaan cinta yang mendalam terhadap negara.
- Sanggup mempertahankan sejarah, bahasa, undang-undang, warisan dan budaya.

(a) Pemerintah

- Menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Pahlawan untuk menimbulkan kecintaan terhadap negara.
- Mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras bagi melahirkan generasi yang peka terhadap sejarah negara.
- Menganjurkan kempen dan menerbitkan filem atau rencana untuk memupuk patriotisme melalui pelbagai media.
- Memberikan pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang berjasa kepada negara dengan mengabadikan nama mereka pada bangunan dan jalan.

(b) Rakyat

- Menghormati lambang negara seperti bendera Jalur Gemilang dan lagu Negaraku.
- Menyanjung imej negara dengan melakar kejayaan dalam bidang pendidikan, sukan dan ekonomi.
- Menghargai tokoh pelbagai kaum yang berjuang untuk kemerdekaan dan kedaulatan negara.

4. Mengukuhkan Pertahanan Negara

(a) Pemerintah

- Menggubal dasar dan undang-undang untuk melindungi keselamatan negara.
- Mengadakan perjanjian pertahanan serta latihan ketenteraan bersama-sama negara serantau dan antarabangsa.
- Memodenkan aset ketenteraan untuk mengukuhkan pasukan pertahanan negara.
- Memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga menghadapi cabaran semasa.

(b) Rakyat

- Peka terhadap isi keselamatan negara.
- Mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.
- Menganggotai pasukan keselamatan dan pasukan sukarelawan untuk mempertahankan negara.
- Sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara.

T5B2 - PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

- Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.
- Sebelum kedatangan British, negara kita diperintah berdasarkan pemerintahan beraja.
- Raja perintah berdasarkan undang-undang dan peraturan yang digubal.

Asas Pembentukan Perlembagaan

1. Undang-undang Negeri Melayu

- Raja sebagai pemerintah.
- Rakyat memberi ketaatsetiaan.
- Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja.
- Undang-undang yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu termasuklah Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang 99 Perak.
- Sebelum kedatangan kuasa Barat, negara kita mempunyai undang-undang dan adat Melayu yang menjadi panduan kepada raja dan pembesar dalam proses pemerintahan negara.

2. Undang-Undang Inggeris

- British memperkenalkan undang-undang di Negeri-Negeri Selat (NNS) yang dikenali sebagai Charter of Justice.
- Diambil daripada undang-undang yang digubal di England.
- Piagam terpilih yang bersesuaian dengan kegunaan NNS sahaja diguna pakai.

(a) Sarawak

- Di Sarawak pula terdapat The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949 yang menggunakan The Common Law of England.

- Ogos 1956, Perlembagaan Sarawak beri kuasa pada badan Council Negeri (Majlis Negeri) terdiri 45 ahli dan pengerusi Ketua Setiausaha.
- Majlis Tertinggi dipengerusi Gabenor, anggota lain Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan, Peguam Negara.
- Perlembagaan Sarawak tahun 1959 beri kuasa pentadbiran negeri kepada Majlis Tertinggi dan Council Negeri.

(b) Sabah

- Di Sabah terdapat undang-undang yang sama disebut Sabah Application of Laws Ordinance 1951.
- Majlis Undangan dan Majlis Kerja ditubuh pada 1950.
- Majlis Undangan beri kuasa pada Gabenor untuk menggubal undang-undang dalam pemerintahannya.

2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

- Bermula pada tahun 1877 hingga tahun 1957.
- Di Malaysia, badan perundangan dinamakan Parlimen yang berkuasa penuh membentuk undang-undang negara.
- Di NNS terdapat Charter of Justice untuk melindungi penduduk.
- Pembentukan undang-undang di negeri Melayu dimulai dari Majlis Negeri Perak.

Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

(a) 1877

- Majlis pertama Majlis Negeri Perak.
- Dipengerusikan Raja Muda Yusuf.
- Berperanan untuk menggubal undang-undang bagi negeri Perak.
- Peranan yang sama diamalkan oleh semua Majlis Negeri di negeri Melayu yang lain.

(b) 1946

- Undang-undang NNS digubal oleh Majlis Undangan Negeri.
- Undang-undang NNMB digubal oleh Majlis Persekutuan.
- Undang-undang NNMTB digubal oleh Majlis Negeri.

(c) 1948

- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 menjadi titik penting dalam pembentukan Persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang.
- Kandungan Persekutuan Tanah Melayu termasuklah pentadbiran, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.

(d) 1957

- Suruhanjaya perlembagaan ini dikenali Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid.
- Perlembagaan ini disesuaikan dengan model Westminster yang diambil dari Britain.
- Dikuat kuasa selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
- Menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini.

2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

1. Ciri Tradisional

(a) Kesultanan atau Pemerintahan Beraja

- Sultan sebagai pemerintah berdaulat dan berkuasa penuh.
- Selepas merdeka, disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen.
- Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi negara.
- Peringkat negeri, Sultan merupakan ketua negeri.

(b) Agama Islam

- Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja negeri masing-masing.
- Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

(c) Bahasa Melayu

- Bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- Menjadi lingua franca dan bahasa ilmu.
- Kini menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia.

(d) Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera

- Sebelum merdeka, di bawah kuasa raja dan ketua peribumi.
- Selepas merdeka, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain.

2. Ciri Moden

(a) Kerajaan Persekutuan

- Mewujudkan satu sistem kerajaan Persekutuan
- Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa
- Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi

(b) Sistem Demokrasi Berparlimen

- Asas demokrasi ialah pilihan raya umum pertama (1955).
- Tujuannya untuk memberikan kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan.

(c) Kewarganegaraan

- Dikenalkan pada tahun 1948.
- Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja dan ada yang mendapat kerakyatan British jika lahir di Melaka atau Pulau Pinang.
- Kemerdekaan dan pembentukan Malaysia lahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya.

- Perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia (pindaan 1965) seperti imigresen, kewangan, hubungan luar negara dan pertahanan.

T5B3 - RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

1. Pemerintahan Beraja Kesultanan Melayu Melaka

- Raja ialah pemerintah kuasa mutlak (kuasa pemerintahan termasuk kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman).
- Pemerintahan berdasarkan undang-undang seperti
 - Hukum Kanun Melaka
 - Undang-Undang Laut Melaka
- Pemerintahan ini membina tradisi dan adat istiadat yang diwarisi oleh kesultanan Melayu.
- Raja-raja Melayu dianggap sebagai sumber undang-undang, ketua kerajaan dan ketua agama.
- Keabsahan bagi semua tindakan terletak pada kedaulatan Raja-raja Melayu.

2. Sebelum Perang Dunia Kedua

- British memperkenalkan Sistem Residen di NNMB dan Sistem Penasihat di NNMTB.
- Raja-raja Melayu memerintah dengan campur tangan British.

3. Semasa Pendudukan Jepun

- Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua hal ehwal agama Islam.
- Kedudukan Raja-raja Melayu di negeri masing-masing berada bawah pengawasan Gabenor Jepun di Tanah Melayu.

4. Selepas Perang Dunia Kedua

- Perkenalan Malayan Union mencabarkan pemerintahan beraja.
- Kuasa pemerintahan diambil oleh Raja England.
- British memerintah Malayan Union melalui Gabenor.
- Penentangan Malayan Union oleh Raja-raja Melayu menyebabkan MU digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu.
- Kedaulatan Raja-raja Melayu dikembalikan melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

Pindaan Perlembagaan 1963 dan 1965

1. Pindaan Perlembagaan 1963

(a) Struktur Mahkamah Atasan

- Mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang bahagi kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan.
- Mahkamah Atasan diwujudkan di Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah serta Singapura.
- Boleh mendengar persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

(b) Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo

- Mahkamah Tinggi Borneo untuk menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah.
- Jawatan Ketua Hakim Borneo (1963) diwujudkan berpusat di Kuching, Sarawak.
- Pada tahun 1994, nama jawatan diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.

(c) Jawatan Yang di-Pertua Negeri

- Semasa Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertua Agong.
- Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah.

2. Pindaan Perlembagaan 1965

- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pindaan Singapura di Parlimen pada 7 Ogos 1965.
- Diluluskan oleh Parlimen agar Singapura dapat keluar daripada Malaysia.

- Undang-undang Tubuh mengangkat Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.
- 5. Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen Selepas Merdeka**
- Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara.
 - kuasa dan tugasnya termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
 - Ciri Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dalam Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf raja sebagai pemerintah tertinggi negara.
 - Rakyat boleh pilih wakil mereka melalui pilihan raya.

3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

- 1. Pembentukan Durbar NNMB**
 - Dibentuk pada 1987.
 - Digunakan oleh Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan untuk bincang hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan British.
- 2. Majlis Sultan-Sultan Semasa Malayan Union**
 - Perlembagaan Malayan Union memperuntukkan penubuhan Majlis Sultan-Sultan.
 - Dipengerusikan oleh Gabenor Malayan Union.
 - Mempunyai 9 orang Raja Melayu dan 3 pegawai kanan British.
 - Berfungsi untuk membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam & menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-Raja Melayu.
- 3. Majlis Raja-Raja Semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948**
 - Malayan Union digantikan dengan Majlis Raja-Raja Melayu pada 1948.
 - Diurus oleh Raja-Raja Melayu.
 - Pengerusi mesyuarat ditentukan oleh Raja-raja Melayu dalam kalangan 9 orang Raja Melayu.
 - Diberi hak dan kuasa untuk mendapat penerangan Pesuruhjaya Tinggi British tentang penggubalan undang-undang & dasar Kerajaan Persekutuan.
- 4. Majlis Raja-Raja Selepas Merdeka**
 - Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang menjadi ahli Majlis Raja-Raja.
 - Selepas 1963, Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Sabah menjadi ahli .
 - Kedudukan Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan.

- Fungsi Majlis Raja-Raja:
 - Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.
 - Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu.
 - Memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan.
 - Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu.
 - Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.
 - Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu.
 - Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sarawak dan Sabah dan kepentingan sah kaum lain.

3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

- 1. Institusi Yang di-Pertuan Agong**
 - Diwujudkan selepas kemerdekaan pada 1957.
 - Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan raja negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.
 - Jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong turut dikenalkan.
 - 2. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong**
 - Kedudukan Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Utama Negara.
 - 3. Keutamaan Kedudukan dalam Persekutuan**
 - Yang di-Pertuan Agong
 - Raja Permaisuri Agong
 - Raja-raja dan Pemangku Raja
 - Yang di-Pertua bagi Negeri-Negeri
 - Bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima saraan Diraja daripada Kerajaan Persekutuan
 - Perdana Menteri
 - Timbalan Perdana Menteri
 - 4. Kuasa Yang di-Pertuan Agong**
 - Mempunyai peranan yang luas dalam pemerintahan negara meliputi
 - Kuasa Eksekutif
 - Kuasa Perundangan
 - Kuasa Kehakiman
- (a) Kuasa Eksekutif**
- Bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri.

(i) Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri

- Yang di-Pertuan Agong melantik Ahli Dewan Rakyat yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.
- Baginda dengan nasihat Perdana Menteri melantik Menteri-Menteri, Timbalan Menteri daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

(ii) Pelantikan Jawatan Penting

- Melantik Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara.
- Melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, Ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera.

(iii) Ketenteraan

- Pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia.
- Dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera.

(iv) Diplomatik

- Melantik diplomat Malaysia ke luar negara.
- Menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka mula menjalankan tugas di Malaysia.

(b) Kuasa Perundangan

- Memperkenalkan Rang Undang-Undang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

(i) Persidangan Parlimen

- Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang.
- Berkuasa untuk memberhentikan dan membubarkan Parlimen.

(ii) Agama

- Merupakan Ketua Agama Islam bagi negeri sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.
- Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan atau raja yang memerintah di negeri masing-masing.

(iii) Ketenteraan

- Pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia.
- Dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera .

(iv) Hak dan keistimewaan

- Bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.
- Melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia.

(v) Pengisytiharan Darurat

- Boleh membuat pengisytiharaan darurat.

(c) Kuasa Hakiman

(i) Kuasa Kehakiman

- Yang di-Pertuan Agong melantik Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri, ditimbang oleh Suruhanjaya Pelantikan Eksekutif dan berunding dengan Majlis Raja-Raja.

(ii) Kuasa Pengampunan

- Dalam hal jenayah di Wilayah Persekutuan, seseorang yang sudah dihukum boleh memohon keampunan daripada Yang di-Pertuan Agong.
- Akan bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan.

3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

1. Amalan Pilihan Raya

- Pilihan raya umum diadakan dalam tempoh 5 tahun.
- Pilihan raya buktikan amalan demokrasi dilaksanakan di Malaysia.

2. Kebebasan Asasi

- Kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang.

3. Kebebasan Asasi Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan

- Kebebasan Diri
- Kebebasan Beragama
- Hak Berkenaan dengan Pendidikan
- Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Bepersatuan

4. Pengasingan Kuasa dalam Pemerintahan

- Kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga badan iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman.
- Ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan.
- Yang di-Pertuan Agong merupakan punca kuasa kepada ketiga-tiga badan ini.
- Badan Perundangan → Parlimen → Dewan Negara & Dewan Rakyat.
- Badan Eksekutif → Perdana Menteri → Jemaah Menteri → Kementerian
- Badan Kehakiman → Ketua Hakim Negara → Mahkamah Atasan → Mahkamah Bawahan

(a) Badan Perundangan

- Berfungsi menggubal undang-undang.
- Badan perundangan peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Parlimen.

- Badan perundangan peringkat Kerajaan Negeri ialah Dewan Undangan Negeri (DUN).
- (i) Parlimen**
 - Badan perundangan tertinggi di Malaysia.
 - Terdiri daripada tiga komponen, iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
 - Merupakan lambang demokrasi.
 - Mencerminkan aspirasi rakyat melalui perwakilan yang dipilih.
 - Berkuasa menggubal undang-undang.
 - Boleh membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada, menyemak dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai yang baharu.
- (ii) Yang di-Pertuan Agong**
 - Salah satu komponen dalam badan perundangan.
- (iii) Dewan Negara atau Senat**
 - Dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara.
 - Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti.
- (iv) Dewan Rakyat atau Perwakilan**
 - Dewan yang ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.
 - Menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.
- (v) Dewan Undangan Negeri (DUN)**
 - Di Malaysia, terdapat DUN di setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
 - Ketiga-tiga wilayah tersebut hanya mempunyai ahli Parlimen.
 - Dewan ini terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri selaku ketua negeri, Speaker Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dipilih melalui pilihan raya peringkat negeri.
 - DUN berfungsi untuk menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.
- (b) Badan Eksekutif**
 - Badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan.
 - Badan eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri.
 - Badan eksekutif peringkat Kerajaan Negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- (i) Jemaah Menteri (Kabinet)**
 - Terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan dan Menteri Kesihatan.
 - Tugas utama menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan.
 - Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri, memimpin kerajaan dan menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan.
 - Menteri mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.
 - Anggota Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama secara kolektif kepada Parlimen.
 - Setiap menteri mesti mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri.
 - Sekiranya seseorang menteri tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, beliau hendaklah meletakkan jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri.
- (ii) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**
 - Pada peringkat negeri, kuasa eksekutif terletak pada Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
 - Bagi negeri di Semenanjung Malaysia, kuasa eksekutif ini dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO (Executive Council).
 - Di Sarawak dan Sabah, badan eksekutif negeri dikenali sebagai Kabinet Negeri.
 - Pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.
- (c) Badan Kehakiman**
 - Badan yang bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.
 - Diketuai oleh Ketua Hakim Negara.
 - Kuasa badan kehakiman dilaksanakan oleh mahkamah.
 - Hakim dilantik untuk memastikan sistem kehakiman dan keadilan ditegakkan di negara kita.
 - Berperanan untuk mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat mahupun sesama rakyat.
 - Menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
 - Fungsi badan kehakiman bergantung pada status mahkamah yang terdiri daripada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Bawahan serta Mahkamah Khas.

- Terdapat mahkamah pada peringkat negeri, iaitu Mahkamah Syariah serta Mahkamah Anak Negeri di Sarawak dan Sabah.

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

- 1. Gabungan Unsur Tradisional dan Moden dalam Pentadbiran**
 - Unsur Tradisional - kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu.
 - Unsur Moden - Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England.
- 2. Mekanisme Semak dan Imbang dalam Pentadbiran**
 - Pemerintahan beraja berperanan bagi mengimbangi pemerintahan demokrasi.
 - Kuasa pengimbang pada raja mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi.
 - Badan perundangan diberi peranan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan oleh badan eksekutif
 - Penimbunan konflik dan kekeliruan, diselesaikan melalui badan kehakiman.
- 3. Kuasa Budi Bicara Raja**
 - Merupakan kuasa yang dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan.
 - Dengan kuasa ini Yang di-Pertuan agong malantik Perdana Menteri; Raja dan Yang di-Pertua Negeri melantik Menteri Besar dan Ketua Menteri.
- 4. Kerjasama Politik**
 - Perkongsian kuasa antara kaum menggunakan prinsip tolak ansur, perundingan dan pengorbanan.
 - Memastikan suara setiap kaum diwakili.
 - Gabungan parti politik membolehkan parti politik membentuk kerajaan dan berkongsi kuasa.
 - Parti Perikatan merupakan gabungan parti politik yang kemudian dikenali sebagai Barisan Nasional.
 - BN menang pilihanraya umum 13 kali untuk membentuk kerajaan Persekutuan.

T5B4 - SISTEM PERSEKUTUAN

4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

Pembentukan Sistem Persekutuan di Malaysia

- 1. Persekutuan 1896**
 - Berkuat kuasa pada tahun 1896 dan dikenali sebagai NNMB.
 - Tidak mempunyai agihan kuasa dan fungsi khusus antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
 - Keputusan pentadbiran dibuat oleh Residen Jeneral.
- 2. Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927**
 - Majlis ini distruktur semula pada 1927.
 - Tujuan memperkemas tadbir urus Persekutuan dan mengukuhkan kedudukan British di Tanah Melayu.
- 3. Kesatuan Malaya 1946 (Malayan Union)**
 - Pada 1946, British berusaha bentuk Kesatuan Malaya 1946 atau Malayan Union.
 - Kesatuan dibawah Malayan Union turut membayangkan pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat di bawah kuasa Gabenor British.
 - Gagal diteruskan setelah mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.
- 4. Persekutuan Tanah Melayu 1948**
 - Gabungan 9 negeri Melayu dan 2 NNS yang dikenali Persekutuan Tanah Melayu.
 - Menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
 - Pesuruhjaya Tinggi British dilantik sebagai ketua Persekutuan.
 - Raja-raja Melayu memerintah negeri mengikut perlembagaan negeri masing-masing.
- 5. Persekutuan Tanah Melayu 1957**
 - Muncul pada 31 Ogos 1957.
 - Mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi melicinkan pentadbiran negara yang berdaulat.
 - Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Persekutuan.
 - Diperkukuh dengan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.
- 6. Persekutuan Malaysia 1963**
 - Pada 16 September 1963, lahir sebuah Persekutuan yang terdiri 11 buah negeri Tanah Melayu, Singapura serta Sarawak dan Sabah.
 - Persekutuan ini dinamakan Malaysia.

4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

1. Pembahagian Kuasa

- Bertujuan melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan.
- Kuasa lebih besar diberi pada peringkat Persekutuan bagi mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara.
- Tiada peruntukan kuasa khusus pada Kerajaan Tempatan.
- Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan pada 3 peringkat
 - Kerajaan Persekutuan
 - Kerajaan Negeri
 - Kerajaan Tempatan

2. Kuasa Kerajaan Persekutuan

- Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi seluruh Malaysia.
- Senarai Persekutuan menjelaskan kuasa Kerajaan Persekutuan.

Kandungan Senarai Persekutuan

- Hal ehwal luar negeri
- Pertahanan
- Keselamatan dalam negeri
- Pentadbiran keadilan
- Kewarganegaraan
- Perhubungan dan pengangkutan
- Pelajaran
- Perubatan dan kesihatan

3. Kuasa Kerajaan Negeri

- Setiap negeri ada DUN.
- DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi negerinya.
- Kuasa meliputi perkara dalam Senarai Negeri.

Kandungan Senarai Negeri

- Undang-undang Islam
- Tanah
- Pertanian dan perhutanan
- Kerajaan tempatan
- Hari kelepasan negeri

4. Senarai Bersama

- Merupakan perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.
- Sekiranya ada percanggahan bagi perkara di bawah Senarai Bersama, undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi.
- Antara kandungan Senarai Bersama ialah:
 - Kebajikan awam

- Biasiswa
- Perlindungan haiwan liar dan taman negara
- Perancangan bandar dan luar bandar
- Kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit
- Kebudayaan dan sukan
- Perumahan

5. Peruntukan Tambahan bagi Sarawak dan Sabah

- Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Persekutuan Malaysia.
- Antara tambahan kepada **Senarai Bersama** bagi Sarawak dan Sabah termasuklah:
 - Undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, penceraian, penjagaan anak, nafkah dan sebagainya berkaitan dengan undang-undang keluarga.
 - Penyelidikan pertanian dan perhutanan, pengawalan makhluk perosak dan pencegahan penyakit tumbuhan.
 - Pilihan raya bagi Dewan Negeri.
- Antara tambahan kepada **Senarai Negeri** bagi Sarawak dan Sabah termasuklah:
 - Undang-undang dan adat anak negeri.
 - Mahkamah Anak Negeri.
 - Kereta api di Sabah.
- Di bawah Akta Imigresen 1963, Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa untuk mengekalkan kuasa kawalan, kemasukan dan kediaman di negeri-negeri berkenaan.

6. Peranan Kerajaan Tempatan

- Diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil.
- Dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kuasa Kerajaan Negeri.
- Fungsi Kerajaan Tempatan
 - Menyediakan perkhidmatan pembersihan
 - Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja
 - Membangunkan perumahan awam
 - Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan
 - Menjaga kesihatan awam
 - Mengindahkan kawasan

4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

1. Kerjasama Pembangunan Sosioekonomi

(a) Pembangunan Tanah

- Awalnya tertumpu buka tanah baru dan pembangunan In-situ (fizikal desa).
- 1956 FELDA ditubuhkan.
- FELDA mendorong penubuhan Federal Land Consolidation Rehabilitation Authority (FELCRA) dan Pemulihan Tanah Persekutuan pada 1966.

(b) Pembangunan Wilayah

- Kerajaan Persekutuan membuka kawasan lebih luas untuk membangunkan wilayah baru.
- Agensi pembangunan:
 - KEDA
 - KESEDAR
 - PERDA
 - KETENGAH
 - KEJORA
 - DARA
 - LKTS
 - SALCRA
 - SLDB

(c) Pembangunan Koridor Wilayah

- Merupakan perancangan strategik jangka Panjang.
- Memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah.
- Berlandaskan projek pembangunan.
- Antara contoh:
 - Projek Wilayah Pembangunan Iskandar (Iskandar Malaysia)
 - Wilayah Koridor Ekonomi Utara
 - Wilayah Ekonomi Pantai Timur
 - Koridor tenaga Diperbaharui Sarawak
 - Koridor Pembangunan Sabah

2. Kerjasama Pemuliharaan Khazanah Negara

(a) Pengurusan Taman Negara

- Pengurusan hidupan liar dan taman negara merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972(Akta 76) diwujudkan pada 1972.
- Pada 2010, Akta 76 diganti dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010(Akta 716).
- Kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran semua PERHILITAN Semenanjung Malaysia.

- Pengurusan Sarawak - Perbadanan Perhutanan Sarawak.
- Pengurusan Sabah - Jabatan Hidupan Liar Sabah.

(b) Pengurusan Taman Laut

- Kerajaan Persekutuan membentuk dasar berkaitan dengan taman laut.
- Kerajaan Negeri berkuasa terhadap pembangunan pulau.
- Pada 2007, Jabatan Taman Laut Malaysia ditubuhkan.
- Pada 2018, pengurusan taman laut dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia.
- Di Sabah - di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui agensinya, Taman-Taman Sabah.

3. Kerjasama Penyediaan Perumahan Rakyat

(a) Perumahan Awal Kemerdekaan

- Menyediakan perumahan kos rendah terutamanya di kawasan bandar.
- Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada 1964 untuk menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah.
- Kerajaan Negeri menyediakan tanah yang dijual pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah.

(b) Perumahan untuk Mengatasi Masalah Kemiskinan

- Kerajaan Persekutuan melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) pada 1997 untuk membina perumahan awam di seluruh negara.
- Kerajaan Negeri tubuhkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak untuk membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah.
- juga kenalkan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR).

(c) Perumahan Mampu Milik

- Majlis Perumahan Negara (2014) ditubuhkan.
- Tujuan merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik.
- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menubuhkan pelbagai agensi serta memperkenalkan program khusus untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah.
- Contoh program peringkat Persekutuan
 - Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PR1MA)
 - Rumah Mesra Rakyat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

- Contoh program peringkat negeri
 - Rumah Selangorku
 - Rumah Mampu Milik Johor
- 4. **Kerjasama Menjamin Keselamatan dan Kedaulatan Negara**
 - (a) **Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang di Sarawak**
 - Dengan ancaman komunis Tun Abdul Razak Hussein (Pengerusi Majlis Keselamatan Negara) isytihar Bahagian ke 3 sebagai Rajang Area Security Command (RASCOM) / Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang pada 26 Mac 1972.
 - Ketua Menteri Sarawak - Pengarah Operasi Negeri dalam RASCOM.
 - Bertanggungjawab menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam kawasan RASCOM.
 - (b) **Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah**
 - Menubuhkan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah.
 - Ekoran pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kg Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 12.2.2013.
 - Misi ESSCOM - meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan.

(b) Majlis yang Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

- Memperuntukkan penubuhan Majlis Negara.
- Untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Negeri seperti
 - Majlis Kewangan Negara
 - Majlis Tanah Negara
 - Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

(c) Majlis yang Ditubuhkan oleh Kerajaan

- Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dibuat melalui majlis yang ditubuhkan seperti berikut
 - Majlis Keselamatan Negara
 - Majlis Air Negara
 - Majlis Perumahan Negara

4.4 Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

1. **Keluhuran Perlembagaan Mengukuhkan Persekutuan**
 - (a) **Taraf Perlembagaan**
 - Diangkat sebagai undang-undang tertinggi.
 - Undang-undang digubal Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.
 - Perlembagaan jadi rujukan utama apabila berlaku ketidakselarasan antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri.
 - (b) **Perkara 75 Perlembagaan**
 - Menyebut bahawa jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri.
2. **Penyelerasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri**
 - (a) **Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri**
 - Dipengerusikan oleh Perdana Menteri.
 - Bincang pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan.

T5B5 - Pembentukan Malaysia

5.1 Konsep Gagasan Malaysia

Idea Gagasan Malaysia

- Merupakan konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.
- Mengemukakan idea penyatuan wilayah penguasaan British di Asia Tenggara dalam satu sistem pentadbiran dan ekonomi.
- Tujuan - memudahkan pentadbiran pihak British.
- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj - idea penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei untuk merdeka dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.

5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

1. Idea Pegawai British

(a) 1887

- Lord Brassey mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS supaya menjadi tanah jajahan yang besar.
- dikemukakan kerana melihat potensi ekonomi melalui penggabungan wilayah ini.

(b) 1951

- Selepas Perang Dunia Kedua, Sir Malcolm MacDonald - mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi.
- Bertujuan menyesuaikan dengan rancangan dekolonisasi.
- Pada 1951, beliau bincang dengan Dato' Onn Jaafar dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan untuk menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo.

(c) 1952

- Sir Gerald Templer - meminta penggabungan wilayah ini disegerakan bagi tujuan keselamatan.
- Pada Januari 1960, mesyuarat pegawai tinggi British di Borneo bersetuju dengan cadangan pertahanan dan keselamatan.

(d) 1960

- Sir Geofroy Tory - mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi.
- Mendapat sokongan Pejabat Kolonial.

2. Idea Penduduk Tempatan

(a) 1906

- Majalah Al-Imam menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi.

(b) 1938

- Konsep Melayu Raja diperjuang oleh nasionalis Tanah Melayu seperti Ibrahim Haji Yaakob, Harun Aminurrashid dan Ahmad Boestamam.
- Idea mereka untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia.
- Idea ini tidak berhasil Presiden Soekarno, isytiharkan kemerdekaan Indonesia tanpa melibatkan Tanah Melayu.

(c) 1955

- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.

(d) 1958

- Datu Mustapha Datu Harun, menyatakan minatnya kepada Tunku Abdul Rahman untuk membawa Sabah bergabung dengan Tanah Melayu.

(e) 1960

- Tunku Abdul Rahman memaklumi Lord Perth pada 10.6.1960 - berminat untuk bergabung dengan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura.

3. Rasional Idea Pembentukan Malaysia

(a) Keselamatan

(i) Ancaman Komunis di Singapura

- Ancaman ini menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu.
- Tunku Abdul Rahman anggap, Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis.
- Jadi langkah penyatuan ini akan membendung ancaman komunis di Singapura.

(ii) Perkembangan di Sarawak

- Sarawak menghadapi ancaman komunis melalui Clandestine Communist Organization (CCO).
- Dengan penyatuan ini dapat membendung ancaman komunis.

(b) Keseimbangan Komposisi Penduduk

- Keputusan untuk menerima Singapura akan mewujudkan ketidakseimbangan komposisi penduduk antara orang Cina dan Melayu.
- Penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei akan menyeimbangkan komposisi antara kaum.

(c) Mempercepat kemerdekaan

- Bagi British, pembentukan Malaysia akan merealisasikan rancangan dekolonisasi serta mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo, Sarawak dan Sabah.

(d) Pembangunan Wilayah

- Cadangan penubuhan negara bertujuan agar wilayah ini dapat bersatu dalam usaha mempercepat pelbagai bidang pembangunan.
- Pembentukan Malaysia boleh meningkatkan taraf hidup peribumi dalam infrastruktur, sosial dan ekonomi.

5.3 Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia

Reaksi Awal terhadap Gagasan Malaysia

- Reaksi Tempatan
- Reaksi Negara Jiran

1. Reaksi Tempatan

(a) Persekutuan Tanah Melayu

- Mendapat sambutan baik daripada penduduk dan parti politik.
- Tunku Abdul Rahman mendapat sokongan UMNO mengenai pembentukan Malaysia.

(b) Sarawak

(i) Menyokong

- BARJASA - Datuk Patinggi Abdul Rahaman dan Datu Tuanku Haji Bujang.
- PANAS - Datu Bandar Abang Haji Mustapha.
- PESAKA - Temenggung Jugah anak Barieng.
- SCA.

(ii) Menentang

- SUPP - Ong Kee Hui.
- SNAP - Stephen Kalong Ningkan.

(iii) Menentang kemudian Menyokong

- SNAP - mula menyokong berdasarkan cadangan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).

(c) Sabah

(i) Menyokong

- USNO - Datu Mustapha Datu Harun.
- Menubuhkan gabungan parti politik seperti UNKO, USNO, United Pasok Momogun (UPKO), Democratic Party dan Sabah Indian Congress pada 1962 untuk menyokong Malaysia.

(ii) Menentang

- Di Sabah penduduk menganggap Tanah Melayu terasing.
- Mereka soalkan keadaan pemimpin tempatan dan ingin berkerajaan sendiri.
- Jarak antara Sarawak, Sabah dan Kuala Lumpur juga menimbulkan masalah.
- Barisan Bersatu menentang pembentukan Malaysia pada 9.8.1961 cabar idea bentuk Malaysia.
- Barisan Bersatu
 - Ong Kee Hui - Pengerusi SUPP

- A.M.Azahari - Parti Rakyat Brunei
- Donald Stephens - Fuad Stephens(UNKO)

(iii) Menentang kemudian menyokong

- UNKO

(d) Singapura

(i) Menyokong

- PAP - dipimpin Lee Kuan Yew.
- Golongan pedagang dan pengusaha menyokong sebab membuka peluang pasaran yang lebih besar.
- Parti Buruh Singapura bersetuju tapi anggap gabungan ini sebagai usaha yang sukar dicapai.

(ii) Menentang

- Parti Rakyat Singapura.
- Barisan Sosialis - kerana anggap pembentukan ini sebagai penjajahan baru.
- Mereka cadangkan agar pandangan rakyat diperoleh dalam pembentukan.

(e) Brunei

(i) Menyokong

- Sultan Omar Ali menyokong.
- Rakyat Brunei menyokong pada awal, namun mereka ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu.

(ii) Menentang

- Parti Rakyat Brunei(A.M.Azhari) - kerana berminat untuka gabungkan Brunei, Sarawak, Sabah dan Kalimantan Utara.
- Menganggap ini merupakan cara British mengekalkan pengaruh.
- Juga khuatir Brunei akan kehilangan sebahagian besar kekayaan.

2. Reaksi Negara Jiran

(a) Indonesia - Tidak menentang pada awal

- Dr. Mohammad Hatta (Naib Presiden Indonesia) & Dr. Subandrio (Menteri Luar Indonesia) menyokong.

(b) Filipina

- Presiden Diosdado Pangan Macapagal menentang kerana menuntut wilayah Sabah.
- Tuntutan itu adalah di bawah urusan kerajaan British.

(c) Thailand

- Memberi reaksi positif dan menerima idea.
- Dianggap memperkuat usaha ke arah keamanan di rantau Asia Tenggara.

5.4 Langkah Pembentukan Malaysia

- Usul pembentukan Malaysia dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961.
- Mendapat sokongan majoriti ahli dewan.

1. Siri Lawatan

- Julai 1961- Tunku Abdul Rahman lawat Sarawak dan Brunei untuk meninjau dan bertemu dengan pemimpin tempatan bagi menerangkan rancangan pembentukan Malaysia.
 - Ogos 1962 - Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temenggong Jugah, Donald Stephens and Datu Mustapha lawat untuk meninjau kemajuan di Persekutuan Tanah Melayu.
 - November 1962 - Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak dan Sabah.
 - Lawatan rombongan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Ghafar Baba ke Sarawak dan Sabah.
 - Menunjukkan terdapat kesepakatan dalam kalangan ahli politik di Tanah Melayu untuk menjelaskan gambaran sebenar tentang rancangan Malaysia kepada penduduk Sarawak dan Sabah.
- 2. Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)**
- Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC) atau dikenali sebagai Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).
 - Ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pada 23 Julai 1961.
 - Mesyuarat JSKM diadakan sebanyak empat kali, iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura.
- Tujuan Penubuhan**
- Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia.
 - Sediakan ruang perbincangan untuk mendapat kata sepakat.
 - Mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia.
 - Menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia.
 - Memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepat pembentukan Malaysia.
- 3. Referendum Singapura**
- Ogos 1962 - Sptember 1962 - rundingan antara kerajaan Persekutuan dan Singapura yang hasilkan persetujuan penyertaan Singapura.
 - September 1962 - referendum diadakan bagi menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia.
 - Keputusan - rakyat Singapura setuju untuk bergabung dengan syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.
- 4. Rundingan London**
- Pada bulan November 1961, rundingan berhubung dengan pembentukan Malaysia diadakan di London antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British.
 - Kedua-dua kerajaan bersetuju agar ditubuhkan sebuah suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.
- 5. Suruhanjaya Cobbold**
- Dibentuk pada Januari 1962.
 - Pengerusi - Lord Cobbold.
 - Ahli-Ahli - Sir Anthony Abell, Sir David Watherston, Muhammad Ghazali Shafie dan Wong Pow Nee.
 - Melawat 20 pusat lawatan Sarawak dan 15 pusat lawatan Sabah.
 - Jun 1962 - Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British.
 - Antara laporan tersebut
 - Menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia.
 - Mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu.
 - Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan.
- 6. Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)**
- Ogos 1962 - Penubuhan Inter-Governmental Committee / Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).
 - Diwakili kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.
 - Bertujuan menyediakan rangka perlembagaan dan membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.
 - Pengerusi - Lord Lansdowne, Menteri Tanah Jajahan.
 - Timbalan pengerusi - Tun Abdul Razak
 - Wakil Sarawak - Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha Kewangan, Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temenggong Jugah, Pengarah Montegrai, Ling Beng Siew dan Chia Chin Sin
 - Wakil Sabah - Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha kewangan, Datu Mustapha, Donald Stephens dan Koo Siak Chiew
 - JAK mempunyai lima jawatankuasa kecil:
 - Perlembagaan

- Kewangan
- Perkhidmatan Awam
- Perundangan dan Kehakiman

Organisasi Jabatan

menadakan mesyuarat pertama di Jesselton (kota Kinabalu), Sabah pada 31 Ogos 1962 mesyuarat terakhir di Kuala Lumpur pada 18-20 September 1962

5.5 Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

- Perjanjian Julai 1963 yang turut dikenali sebagai Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63) ialah sebuah dokumen yang ditandatangani oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.
- Perjanjian ini ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London.

1. Inti Pati Perjanjian Malaysia

- 31 Ogos 1963 merupakan tarikh pembentukan Malaysia.
- Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia dengan Persekutuan Tanah Melayu.
- Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia.
- Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri.
- Memperuntukkan tempoh masa peralihan, contohnya dalam bidang pentadbiran awam serta pendidikan kepada Sarawak dan Sabah.
- Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi; Sarawak 24 kerusi; dan Sabah 16 kerusi.
- Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- Indonesia bantah pembentukan Malaysia di PBB.
- United Nations Malaysia Mission ditubuhkan pada 12.8.1963 untuk menilai dan membuat laporan.
- Pembentukan Malaysia ditangguhkan ke 14.9.1963 kerana laporan tak sempat disiapkan.

3. Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

- 16.9.1963 - diisytiharkan di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah.

Kuala Lumpur

- Yang di-Pertuan Agong membacakan Pengisytiharan Malaysia di Stadium Merdeka, disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman.

Merdeka, disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman.

Sarawak

- Datu Abang Haji Openg Abang Sapiee mengangkat sumpah jawatan Yang di-Pertua Negeri Sarawak.
- Pengisytiharan dibaca oleh Khir Johari.
- Turut hadir anggota kabinet negeri.

Sabah

- Datu Mustapha mengumumkan pengisytiharan di Kota Kinabalu serta menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah.
- Dihadiri Tun Abdul Razak.

5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani

- Penentangan mula muncul selepas Pemberontakan Brunei 7.12.1962, apabila Tunku Abdul Rahman menyatakan Indonesia terlibat membantu pemberontakan.
- Parti Komunis Indonesia ambil kesempatan untuk menyelar rancangan Malaysia sebagai penerusan dasar neokolonialisme.

1. Konfrontasi

- 20.1.1963 - Dr Subandrio mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia dengan alasan mengancam kedudukan Indonesia.

2. Peristiwa Penentangan Indonesia

- 20.1.1963 - melancarkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu "Ganyang Malaysia".
- 16.1.1963 - 27.3.1963 - Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak.
- Ogos-Disember 1964 - Pendaratan gerila di Johor.
- Tindakan ketenteraan terawal berlaku apabila pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak pada 12.4.1963.
- 29.12.1963 - berlaku peristiwa berbalas tembakan antara tentera Malaysia dengan Indonesia di Kalabakan, Sabah.
- 12.9.1964 - berlaku peristiwa pendaratan seramai 30 orang gerila Indonesia di Labis, Johor.
- Gerila Indonesia yang masuk ke Johor ditahan oleh pasukan tentera Malaysia.
- Dr. Ismail Abdul Rahman membawa isu serangan ini ke dalam Majlis Keselamatan PBB.
- Kaedah provokasi tidak mengubah pendirian Malaysia untuk bertindak selain cara diplomatik.

3. Langkah Menamatkan Konfrontasi Tahun 1963

- Usaha awal - U Thant, Setiausaha Agung PBB. Mengutus wakilnya C.V.Narasimhan pada Februari 1963 untuk berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu.
- Presiden Macapagal menganjurkan rundingan peringkat pegawai di Manilla - 9.4.1963. Negara kita diwakili Muhammad Ghazali Shafie.
- Tunku Abdul Rahman menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo pada 1963 menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.
- Tun Abdul Razak menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manilla pada 7-11 Jun 1963 Dr Subandrio, Menteri Luar Indonesia, hadir bagi pihak negaranya.
- Tunku Abdul Rahman menghadiri dengan Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manilla 31 Julai - 5 Ogos 1963. Hasil - penerimaan kerajaan Indonesia dan Filipina terhadap pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah.

Tahun 1964

- Rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina berlangsung – 1964 melibatkan dua persidangan peringkat menteri di Bangkok dan satu sidang kemuncak di Tokyo. Thanat Khoman, Menteri Luar Thailand - menganjurkan pertemuan dengan Menteri Luar Indonesia.

Tahun 1965

- Peralihan kepimpinan di Indonesia - 30.9.1963 menamatkan konfrontasi Jeneral Suharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan Adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi.
- Kerajaan Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi - 4.8.1966.

Tahun 1966

- Tun Abdul Razak menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia - Malaysia di Jakarta pada 11.8.1966.

T5B6 - CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

6.1 Cabaran Dalam Malaysia

Cabaran yang Dihadapi oleh Malaysia

1. Cabaran Pembangunan dan Sosioekonomi di Sarawak dan Sabah

(a) Mempelbagaikan Kegiatan Ekonomi

- Sarawak dan Sabah kaya hasil bumi tetapi rakyat mengamalkan pertanian sara diri.
- Kerajaan mempelbagaikan pertanian komersial (kelapa sawit, getah dan koko) dan membuka peluang kepada penduduk menyertai kegiatan ekonomi berkaitan dengan petroleum.

(b) Memajukan Sistem Perhubungan dan Pengangkutan

- Saiz negeri yang besar mencabar Sabah dan Sarawak dalam bidang perhubungan dan pengangkutan.
- Masih bergantung pada sistem pengangkutan air bagi tujuan perhubungan.
- Kerajaan bina sistem perhubungan dan pengangkutan terutama untuk kawasan pedalaman.
- Malaysia usaha untuk menyeimbangkan pembangunan melalui Rancangan Pembangunan Lima.
- Sarawak dan Sabah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Pertama pada 1966.

(c) Memajukan Sistem Pendidikan

- Kebanyakan sekolah vernakular Inggeris dan Cina yang berada di bandar.
- Usaha ditumpukan untuk membina sekolah dan melatih tenaga guru bagi memberikan pendidikan kepada penduduk pedalaman, khususnya kaum bumiputera.

2. Cabaran Politik Sarawak

- Krisis perlembagaan berlaku pada Jun 1966, apabila 21 orang ahli Council Negri tidak puas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan.
- Beliau dipecat oleh Gabenor - Jun 1966.
- Stephen Kalong membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi Sarawak dan menang - September 1966.
- Kembali sebagai Ketua Menteri, namun mendapat undi tidak percaya dari Council Negri.
- Ini hasilkan ketidakstabilan politik di Sarawak yang mengancam keselamatan dan keamanan.
- September 1966 - darurat diisytiharkan.
- Stephen Kalong digantikan dengan Tawi Sli.

3. Cabaran Perpaduan Kaum

- mempunyai pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Melanau, Iban, Bidayuh, Kadazandusun, Murut dan Bajau.
- Jarak yang jauh dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak dan Sabah.

6.2 Pemisahan Singapura

1. Faktor Pemisahan

(a) Politik

- Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad.
- Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan.
- Kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew menuntut hak sama rata untuk semua kaum menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk.

(b) Ekonomi

- Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama (common market) disegerakan.
- Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan.
- Singapura juga mahu mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman sebanyak RM150 juta kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak dan Sabah.

(c) Masalah Perkauman

- 21.7.1964 - berlaku rusuhan kaum di Singapura yang menimbulkan ketegangan antara kaum.
- Rusuhan ini berlaku ekoran daripada usaha menuntut persamaan hak yang sama rata bagi semua kaum. Perkara ini menjadi isu antara kaum.

2. Pemisahan Singapura daripada Malaysia

- 29.6.1965 - Kegagalan rundingan Tun Abdul Razak dengan Lee Kuan Yew.
- 1.7.1965 - Tunku Abdul Rahman mengarahkan Tun Abdul Razak bermesyuarat dengan menteri seperti Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew dan V.T.Sambanthan untuk bincang tentang pemisahan.
- Awal Ogos 1965 - Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia bersetuju dengan rancangan pemisahan.
- 7.8.1965 - Tunku Abdul Rahman dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan untuk pemisahan.
- 9.8.1965 - Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia. Parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura.

6.3 Menangani Ancaman Komunis

1. Ancaman Keselamatan di Sarawak

(a) Bentuk Ancaman

(i) Gerakan Politik

- Gerakan komunis terlibat dalam politik menentang gagasan Malaysia.
- Menyebabkan kerajaan Sarawak memburu dan menangkap ahli yang terlibat.
- Mereka melarikan diri ke Kalimantan dan membentuk Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).
- PKKU meneruskan penentangan melalui Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) untuk membina republik komunis di Sarawak.

(ii) Serangan bersenjata

- Komunis serang kawasan Batu Kitang, Kuching yang menandakan permulaan serangan komunis terhadap orang awam.

(b) Usaha mengatasi

(i) Gerakan perang saraf

- Mengadakan perhimpunan awam dengan memberikan kesedaran tentang bahayanya ancaman komunis.
- Menyebarkan risalah untuk menyampaikan maklumat tentang bahaya ancaman komunis dan menanamkan kebencian terhadap komunis.
- Mengisytiharkan kawasan putih yang bebas daripada ancaman komunis.
- Tawaran program pengampunan kepada anggota komunis.
- Pembangunan infrastruktur dengan menyediakan kemudahan perhubungan yang lebih baik kepada penduduk.

(ii) Operasi ketenteraan

- Beberapa operasi ketenteraan dijalankan, iaitu Operasi Hammer 1965 di Bahagian Pertama.
- Operasi oleh RASCOM pula dilaksanakan di Bahagian Ketiga.
- Seterusnya, Operasi Sri Aman dilancarkan di Bahagian Kedua.
- Semua operasi ini berjaya melemahkan gerakan komunis di Sarawak.

(iii) Operasi Hammer Sarawak

- Ancaman komunis di Sarawak membangkitkan semangat penentangan daripada penduduk tempatan.
- Penentangan berlaku kerana komunis membunuh orang awam.

- Kerajaan menggunakan kaedah sama yang diguna pakai dalam Rancangan Briggs untuk dilaksanakan di Sarawak.
- Rancangan berbentuk memenangi hati rakyat ini dinamakan Operasi Hammer.

(c) Langkah Membanteras Ancaman Komunis

- Operasi Hammer dilancarkan. Tiga kampung baru dibuka di Bahagian Pertama.
- 8.8.1969 - Operasi besar-besaran rampasan senjata di Bahagian Ketiga.
- 24.2.1970 - Operasi Jala Raja di Nonok (Asajaya), Bahagian Pertama.
- 8.8.1971 - Operasi Ngayau dilancarkan di Bahagian Ketiga.
- 26.3.1972 - Rajang Area Security Command (RASCOM) dibentuk di Bahagian Ketiga.
- 21.10.1973 - Operasi Sri Aman dilancarkan
- Operasi Sri Aman ditamatkan. Anggota komunis menyerah diri.
- 17.10.1990 - Perjanjian damai menamatkan ancaman komunis yang diadakan antara pihak komunis dengan kerajaan Sarawak.

(d) Kesan Membanteras Ancaman Komunis

- Usaha menangi hati rakyat sebabkan komunis tak dapat sokongan lagi.
- 21.10.1973 – Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub (Ketua Menteri Sarawak) tandatangan memorandum persefahaman di Rumah Sri Aman – anggota komunis CCO serah diri.
- 5.3.1980 – Operasi Hammer Kuching-Serian dibatalkan.

2. Ancaman Keselamatan di Semenanjung Malaysia

(a) Pembunuhan Anggota Keselamatan dan Orang Awam

- 17.6.1968 - PKM serang dan mengorbankan 16 orang pasukan keselamatan di Kroh, Perak.
- 7.6.1974 - menembak mati Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman di KL.
- 13.11.1975 - menembak mati Ketua Polis Negeri Perak, Tan Sri Khoo Chong Kong dan pemandunya di Ipoh.
- Julai 1969 - wanita diseksa mati di Sintok, Kedah.
- Periuk api dipasang di sepanjang jalan Changlun, Kedah.
- Jalan raya dan jambatan kereta api diletupkan

(b) Pengeboman Tugu Negara

- 26.8.1975 - Tugu negara dibom di KL.
- Rakyat marah terhadap komunis tuntutan kerajaan ambil Tindakan tegas – Akta keselamatan Dalam Negeri.

- Memperkuat khidmat perisik untuk awasi komunis.

(c) Usaha mengatasi

- Strategi Counterinsurgency (COIN) – usaha menangi hati dan fikiran rakyat untuk sokong kerajaan perangai komunis.
- Perjanjian Kerjasama Sempadan – adakan Kerjasama dengan Thailand melalui Perjanjian Kerjasama Sempadan Memerangi Komunis 1976 – cara: bina pagar sempadan operasi bersama. 2.12.1989 Perjanjian Hat Yai antara Thailand, Malaysia dan PKM -

6.4 Isu Pembangunan dan Ekonomi

- Kerajaan membentuk rancangan pembangunan lima tahun bagi memastikan usaha pembangunan dan ekonomi nasional dapat dilaksanakan di semua negeri.

Rancangan Malaysia Pertama

- Antara isu dihadapi kedudukan sosioekonomi penduduk berpendapatan rendah dan taraf pendidikan rendah.

1. Isu Pembangunan Ekonomi

(a) Isu ekonomi

- Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah.
- Kejatuhan harga bahan mentah.
- Penduduk yang terlibat dalam bidang pertanian masih ketinggalan terutama penggunaan teknologi dan peralatan.
- Petani berpendapatan rendah.
- Pertanian komersial lain kurang diusahakan petani.

Usaha Mengatasi

- Mempelbagaikan kegiatan ekonomi pertanian dan industri pemprosesan.
- Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah.
- Mempelbagaikan bidang pertanian terutama kelapa sawit dan koko.
- Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara.

(b) Isu taraf hidup berbeza

Usaha mengatasi

- Melancarkan program pembangunan negara berasaskan satu rancangan bersepadu.
- Menggerakkan aktiviti perkilangan.
- Mempercepat integrasi.
- Mendapat bantuan Bank Dunia.

(c) Isu peluang pekerjaan yang terhad

- Kadar pengangguran meningkat.

Usaha Mengatasi

- Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal.

- Meluaskan peluang pekerjaan kepada penduduk.

(d) Isu masalah kesihatan dan sosial

- Keperluan asas dan hak wanita dari segi kehamilan yang terhad.
- Kurangnya kemudahan perkhidmatan kesihatan profesional kepada yang mengandung.
- Kadar kelahiran tidak normal dan kematian yang tinggi.

Usaha Mengatasi

- Mengurangkan kadar kelahiran.
- Memperkenalkan program Perancang Keluarga.
- Menambah baik perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar.

- Mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam negara.
- Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948.
- Jabatan Penerangan menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaan.

(c) Peranan Raja

- Semasa rusuhan kaum, Sultan Perak, Sultan Idris Iskandar Shah II, menasihati rakyat menjaga keamanan.
- Pemimpin masyarakat dan politik negeri Perak menubuhkan Jawatankuasa Muhibah.
- Tujuan menulis surat merayu penduduk agar bertenang dan membantu negara mengekalkan keamanan.
- Di negeri lain juga, raja minta rakyat agar bertenang dan mematuhi undang-undang.

6.5 Tragedi Hubungan antara Kaum

- 13.5.1969 – berlaku peristiwa rusuhan antara kaum selepas Pilihan Raya Umum Ketiga.
- Keputusan pilihan raya menyebabkan berlaku ketegangan antara penyokong parti politik.
- Ini mencetuskan rusuhan antara kaum.

1. Rusuhan Kaum – antara faktor:

- Kesan daripada ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial.
- Keadaan dan keputusan Pilihan Raya Ketiga.
- PKM mengambil kesempatan semasa pilihan raya untuk mempengaruhi penduduk.
- Parti bertanding menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan semasa berkempen.
- Perarakan kemenangan pilihan raya yang tidak terkawal.

2. Langkah yang Diambil bagi Mengatasi Masalah Peristiwa 13 Mei 1969

(a) Darurat

- 16.5.1969 - pengisytiharan darurat dibuat Yang di-Pertuan Agong.
- Antara perkara yang diputuskan:
 - Perlembagaan digantung manakala Parlimen ditangguh.
 - Wujudkan pusat perlindungan di beberapa tempat.
 - Semua berita daripada pihak media ditapis.
 - Pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung.

(b) Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

- Pengerusi - Tun Abdul Razak.
- Antara tanggungjawab MAGERAN:
 - Mengembalikan keamanan dan undang – undang.
 - Menentukan pentadbiran yang licin dalam negara.

T5B7 - MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

7.1 Perpaduan dan Integrasi Nasional

1. Maksud Perpaduan dan Integrasi Nasional

(a) Perpaduan Kaum

- Keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang Bersatu.
- Memberikan komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

(b) Integrasi Nasional

- Merupakan satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa.
- Mempunyai identiti sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

2. Latar Belakang Hubungan Kaum

- Pentadbiran British memisahkan kaum dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan.
- Menyukarkan setiap kaum memahami adat resam dan budaya kaum lain.
- Kesan dasar British menjadi punca kepada masalah perpaduan:
 - Pentadbiran
 - Kegiatan Ekonomi dan Petempatan
 - Sistem Pendidikan
 - Fahaman Politik

(a) Pentadbiran

- British utamakan sektor ekonomi – pekerja dibawa masuk dari luar bekerja di lombong, ladang dan perniagaan.
- Bumiputera bertumpu di luar bandar – jalankan ekonomi tradisional.
- Mereka terpisah akibatkan hubungan kaum renggang.
- Kesannya, berlaku peristiwa 13.5.1969.

(b) Kegiatan Ekonomi dan Petempatan

- British tumpukan ekonomi bijih timah dan getah.
- Kegiatan ekonomi berbeza sebabkan antara kaum terpisah dalam petempatan.
- Wujud petempatan di kawasan lombong, bandar, estet dan kampung.
- Kesannya, setiap kaum kurang interaksi dan wujudkan jurang ekonomi yang tak seimbang.

(c) Sistem Pendidikan

- Wujud pendidikan vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris.
- Sekolah ini berkembang mengikut kaum masing-masing.
- Selerpas 1957, pendidikan vernacular ini masih diteruskan.
- Kesannya, wujud perbezaan pemikiran antara kaum.

(d) Fahaman Politik

- Parti politik berasaskan kaum wujud sebelum merdeka hingga kini.
- Memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing.
- Isu diperjuangkan berkaitan budaya, pendidikan dan ekonomi.
- Mempengaruhi hubungan antara kaum di negara ini.

3. Memperkasakan Perpaduan dan Integrasi Nasional

(a) Politik

- Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara di bawah MAGERAN.
- Jabatan ini mendraf Rukun Negara.
- Tubuhkan Majlis Muhibah Negara (18.7.1969).
- Majlis ini bertujuan menggalakkan perkembangan perasaan muhibah antara masyarakat berbilang kaum.
- Majlis Perundingan Negara (29.1.1970).
- Mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional.
- Bertujuan memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat.
- Membentuk parti politik pelbagai kaum.
- Mewujudkan keharmonian dan kestabilan politik selepas peristiwa 13 Mei 1969.
- Menyelaraskan perkhidmatan awam.
- Tujuan mewujudkan integrasi antara negeri.

(b) Ekonomi

- Meneruskan Rancangan Pembangunan Lima Tahun.
- Memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi semua kaum.
- Perkenalkan DEB dan DPN.
- Untuk kemakmuran ekonomi rakyat dan negara.
- Pembangunan melalui rancangan pembangunan tanah yang mampu menambah pendapatan rakyat dan membasmi kemiskinan.
- Perkenalkan Zon Perindustrian Bebas.
- Memajukan bidang perindustrian dan perdagangan.

(c) Sosial

- Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996.
- Bertujuan mengukuhkan perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- Laporan Rahman Talib, Laporan Jawatankuasa Kabinet & Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- Tujuan mengukuhkan sistem pendidikan.
- Melahirkan rakyat yang patriotik dan mempunyai semangat cinta akan negara
- Memperkasa Bahasa Melayu melalui Akta Bahasa Kebangsaan.
- Ditubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Sebagai pusat ilmu dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi menyebarkan luas penggunaan bahasa kebangsaan.
- Antara kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet:
 - Bahasa Melayu menjadi mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam.
 - Penegasan kepada pendidikan kerohanian melalui Pendidikan Islam dan Moral.
 - Menekankan aktiviti kokurikulum melalui unit beruniform, sukan dan permainan serta persatuan.
- Hasilnya - Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan pada 1982.
- KBSM dan Falsafah Pendidikan Negara digubal pada 1988.

7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan

1. Latar Belakang Dasar Pendidikan Kebangsaan

- Dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum.
- Dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956/ Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957.
- Dasar pendidikan sebelum ini disepak semula pada 1960 yang hasilkan Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

(a) Laporan Rahman Talib

- Pengerusi - Abdul Rahman Talib (1960).
- Untuk menyemak semula dan mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.
- Menjadi asas penggubalan Akta Pelajaran 1961.
- Mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi.
- Bahasa Melayu - bahasa pengantar.
- Kurikulum yang sama dan berorientasikan negara.
- Menekankan mata pelajaran Sejarah.
- Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat.

(b) Kajian Aminuddin Baki

- Laporan Rahman Talib ditambahbaik dengan Kajian Aminuddin Baki.
- Memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan.
- Memperkenalkan kursus kemahiran.
- Mewujudkan sekolah kebangsaan untuk semua kaum.

2. Laporan Jawatankuasa Kabinet

- Ditubuhkan pada September 1974.
- Fungsi - untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan.

3. Falsafah Pendidikan Kebangsaan

- FPN digubal pada 1988.
- Untuk memperteguh hala tuju dan matlamat pendidikan negara ke arah perpaduan.
- FPN ditukar ke Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) pada 1996.
- Menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu serta seimbang (JERI).

4. Akta Pendidikan 1996

- Bahasa kebangsaan dikukuhkan sebagai bahasa pengantar.
- Menjadi pelajaran wajib di semua sekolah dan institusi pendidikan.
- Institusi pendidikan swasta perlu mengadakan pengajaran bahasa kebangsaan, Pengajian Malaysia dan Pendidikan Islam dan Moral.

7.3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

- Beberapa langkah dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.
- 1. **Akta Bahasa Kebangsaan**
 - Bahasa Melayu - bahasa rasmi.
 - Tujuan memupuk perpaduan kaum.
 - Diperkenalkan Akta Bahasa Kebangsaan (Akta 32) digubal dibawah Perkara 1522 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
 - 1.7.1971 akta ini mula dikuatkuasakan.
- 2. **Bahasa Rasmi Pentadbiran**
 - Bahasa Melayu menjadi antara unsur penggerak jentera pentadbiran negara
 - merupakan alat komunikasi rasmi
 - digunakan sepenuhnya dalam urusan mahkamah pada 1990
- 3. **Memperkasakan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan**
 - Sekolah menengah kebangsaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
 - Wujud Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri dan Kolej Sultan Abdul Halim.
 - Dapat memupuk semangat kekitaan dan bersatu dalam kalangan murid.

- Bilangan guru terlatih bahasa Melayu ditambah.
 - Bermatlamat untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perpaduan.
- 4. UKM sebagai Pusat Keilmuan BM**
- UKM memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.
 - Ditubuhkan pada 18.5.1970.
 - UKM menjadi pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu.
 - Kemudian tukar nama ke Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- 5. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka**
- Ditubuh pada 22.6.1956.
 - Bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.
 - Pengarah - Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid.
 - Mengembangkan bahasa dan sastra Melayu melalui penerbitan buku dan majalah, risalah, menganjurkan seminar dan bengkel serta pelbagai aktiviti semasa Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan.
 - Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" dilancarkan pada 1960.
- Dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, Majlis Kebudayaan Negeri, Istana Budaya serta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.
- 5. Citawarna Malaysia**
- Melibatkan pelbagai kaum dan budaya.
 - Dianjurkan pada 1999 yang merupakan promosi pelancongan.
 - Antara program - memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia.
 - Diadakan pada Mei setiap tahun di Dataran Merdeka.
- 6. Penganjur Budaya**
- Melahirkan ramai tokoh dan penganjur budaya tersohor.
 - Tokoh ini berikan sumbangan yang besar kepada proses membudayakan masyarakat dan kebudayaan bangsa.
 - Menggalakkan penghasilan karya seni tempatan yang bermutu tinggi dan memartabatkan khazanah asli negara.
 - Tokoh: Azah Aziz, Hamzah Dolmat, Lim Swee Tin.

7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- 1. Sejarah Pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK)**
- Digubal dan diperakui melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 1971.
 - Dianggap sebagai Kongres Rakyat 1956.
 - Dirasmikan oleh Tun Abdul Razak di UM, KL.
 - Dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- 2. Prinsip Utama**
- Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang DKK.
 - Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima sebagai elemen penting.
 - Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan DKK.
- 3. Matlamat Pembentukan**
- Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan.
 - Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan.
 - Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.
- 4. Agensi Pelaksana**
- Melibatkan semua kementerian, agensi dan jabatan yang berkaitan.

7.5 Sukan sebagai Alat Perpaduan

- 1. Sukan dan Perpaduan Melalui Pendidikan**
- Dasar 1 Murid 1 Sukan dan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) menggalakkan murid pelbagai kaum melibatkan diri dalam sukan yang digemari.
 - Memberi peluang kepada murid pelbagai kaum untuk menceburi bidang sukan.
 - Memupuk semangat setia kawan dan berpasukan.
 - Melahirkan atlet yang berkaliber.
- 2. Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)**
- MASUM bermula pada 1974.
 - Bertujuan mengadakan pertandingan untuk penuntut dan staf universiti bagi memupuk perpaduan dan integrasi nasional.
 - Menjadi medan untuk atlet tunjuk kebolehnya.
 - Dapat menggalakkan integrasi antara negeri.
- 3. Sukan Malaysia (SUKMA)**
- Diadakan secara dwitahunan pada peringkat kebangsaan.
 - Disertai 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan.
 - Bertujuan mengeratkan hubungan kaum serta integrasi antara negeri.
- 4. Penganjuran Sukan**

- Penganjuran pelbagai sukan peringkat serantau dan antarabangsa.
- Membuktikan sukan dapat menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara kita.
- Antara sukan yang berjaya dianjurkan oleh Malaysia:
 - Hoki Piala Dunia
 - Sukan Komanwel
 - Piala Thomas
 - South East Asia Games/ Sukan SEA
 - Sukan Permotoran Formula 1
 - Le Tour de Langkawi

5. Kejayaan Malaysia Kebanggaan Bersama

- Kejayaan pasukan negara dalam sukan antarabangsa merupakan hasil kerjasama serta kesungguhan pelbagai pihak.
- Contoh – Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia, Sukan SEA dan Pestabola Merdeka.
- Pemain dan jurulatih bekerjasama tanpa mengira kaum.
- Kejayaan pasukan negara merupakan harapan seluruh rakyat.
- Sukan membentuk sebuah pasukan yang bersatu dan saling bekerjasama untuk kejayaan.

6. Laungan "Malaysia Boleh"

- "Malaysia Boleh" menunjukkan patriotisme rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan budaya ketika menyokong pasukan Malaysia.
- Slogan asalnya untuk kempen Malaysia menjadi tuan rumah kejohanan Piala Thomas dan Uber pada 1992.
- Sokongan ini buktikan bahawa rakyat Malaysia bersatu padu untuk kejayaan negara.

7. Peranan Organisasi dalam Perkembangan Sukan dan Memupuk Perpaduan Kaum

- Agensi diberi tanggungjawab untuk meningkatkan pencapaian sukan negara peringkat antarabangsa.
- Antara agensi:
 - Kementerian Belia dan Sukan
 - Majlis Sukan Negara
 - Majlis Olimpik Malaysia
 - Persatuan sukan peringkat kebangsaan dan negeri
- Pelbagai kaum terlibat – pegawai pengurusan, pakar perubatan sukan, pegawai teknikal dan panel kejurulatihan.

8. Kepemimpinan Berwibawa

- Kecemerlangan sukan juga disebabkan ketokohan pemimpin persatuan sukan, jurulatih, para atlet dan pegawai sukan.

- Bekas atlet menjadi pengurus atau jurulatih pasukan.
- Peranan mereka penting untuk menarik minat dan sokongan rakyat.

7.6 Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

- Rukun Negara ialah ideologi negara yang dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan.
- 1. Sejarah Pembentukan**
 - Dibentuk ekoran peristiwa 13.5.1969.
 - Hasil pemikiran Majlis Perundingan negara (MAPEN) yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29.1.1970.
 - Telah diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31.8.1970.
 - Tahun 2020, genap 50 tahun Rukun negara dicipta.
 - 2. Logo Rukun Negara**
 - Lima jalur - Lima prinsip Rukun Negara.
 - Bulan dan bintang - prinsip kepercayaan kepada Tuhan.
 - Tengkolok berkerawang bintang dan bulan - simbol prinsip kesetiaan kepada raja dan negara & prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.
 - Angka 50 - sambutan ulang tahun Rukun Negara.
 - Warna biru - amalan perpaduan dalam kesopanan dan kesusilaan.
 - 3. Matlamat ke Arah Kesejahteraan**
 - Negara Bersatu
 - Masyarakat Demokratik
 - Masyarakat Adil
 - Masyarakat Liberal
 - Masyarakat Progresif
 - 4. Prinsip Rukun Negara**
 - (i) Kepercayaan kepada Tuhan**
 - Menunjukkan agama menjadi panduan hidup untuk membentuk keperibadian yang baik dan landasan dalam membina keharmonian kaum.
 - (ii) Kesetiaan kepada Raja dan Negara**
 - Menjelaskan bahawa negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan.
 - (iii) Keluhuran Perlembagaan**
 - Membawa maksud ketertinggian dan juga keagungan perlembagaan atau undang-undang.
 - (iv) Kedaulatan Undang-Undang**
 - Menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang
 - (v) Kesopanan dan Kesusilaan**

- Memastikan bahawa setiap rakyat perlu sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati dan berakhlak mulia

T5B8 - MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- Dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun bermula pada tahun 1970 - 1990 sebagai rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara.
 - Dilancarkan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) yang merangkumi empat Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.
 - Dasar ini bertujuan memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum, antara wilayah dan antara kawasan dalam wilayah yang sama.
- Latar Belakang Pembentukan**
 - Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada Januari 1970.
 - Untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional.
 - Hasilnya, terbentuk DEB.
 - Antara pakar yang terlibat dalam dasar ini:
 - Dr. Rais Saniman (Malaysia)
 - Dr. Just Faaland (Norway)
 - Dr. Jack R. Parkinson (Britain)
 - Matlamat DEB**
 - Mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata.
 - Strategi DEB**
 - Membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan banyakkkan peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum.
 - Menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.
 - Isu Sosioekonomi**
 - Jurang sosioekonomi antara:
 - bumiputera dengan bukan bumiputera
 - pantai timur dengan pantai barat
 - masyarakat desa dengan bandar
 - antara negeri

8.2 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- Dilaksanakan dengan menggunakan beberapa pendekatan bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang.
- Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Luar Bandar**
 - Tumpuan diberi kepada petani, pekebun getah, nelayan dan buruh.
 - Kegiatan Gerakan Koperasi diamalkan.
 - Program yang dilaksanakan - penerokaan tanah baharu, bantuan peralatan pertanian, khidmat nasihat, subsidi benih dan baja, kemudahan kredit, pemasaran dan pusat kemajuan peladang.
 - Bandar**
 - Miskin disebabkan pendapatan rendah dan masalah perumahan.
 - Kerajaan memajukan perindustrian dan perniagaan yang membuka peluang pekerjaan yang banyak untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin pelbagai kaum.
 - Menyediakan kemudahan asas seperti air dan elektrik, jalan raya, bantuan biasiswa, pendidikan, buku teks percuma, makanan tambahan dan program rumah murah.
 - Rancangan Buku Hijau**
 - Dilancarkan oleh Tun Abdul Razak - 20.12.1974.
 - Bermatlamat untuk menambahkan pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan .
 - Memberikan tumpuan kepada penggunaan tanah yang sepenuhnya.
 - Mengusahakan tanah dengan tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, penternakan, pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain.
 - Peranan Agensi Kerajaan**
 - Ditubuhkan untuk mempelbagaikan ekonomi yang boleh menambahkan pendapatan rakyat.
 - Untuk membuka peluang pekerjaan.
 - Antara agensinya ialah:
 - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
 - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
 - Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)
 - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
 - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pembangunan Tanah**
 - Penduduk luar bandar yang miskin dipindahkan ke FELDA.
 - Mereka diberi tanah seluas 10 ekar.

- Terdapat kemudahan seperti klinik, sekolah, pengangkutan dan koperasi FELDA.
- FELDA menjalinkan kerjasama dengan kerajaan negeri.
- Di Sabah, FELDA dengan Yayasan Sabah bekerjasama - membawa kepada pembukaan Felda Wilayah Sahabat (Lahad Datu) dan Felda Umas (Tawau).
- FELDA kerjasama dengan Sarawak untuk pembukaan ladang kelapa sawit melalui SALCRA.
- Kaum Cina dan India juga diberi peluang menjadi peneroka – Felda Lurah Bilut (Pahang), Felda keratong (Pahang) dan Felda Sendayan (Negeri Sembilan).

5. Pembangunan Wilayah

- Program pembangunan wilayah dengan pembukaan tanah untuk industri getah dan kelapa sawit:
 - Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
 - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
 - Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
 - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
- Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) ditubuhkan 1971 berperanan dalam pembangunan industri dan bandar baharu – Bandar Tun Hussein Onn (Cheras) dan Bandar Baru Uda (Skudai).

6. Pemilikan Modal Saham

- Untuk menambah pemilikan modal saham bumiputera dalam sektor korporat.
- Untuk wujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) melalui penubuhan PNB pada 17.3.1978.
- ASN dan ASB dilancarkan untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad.

7. Pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

- Industri ini meliputi kraf tangan, makanan, pakaian dan inap desa.
- IKS yang berjaya:
 - Best Farm Co.
 - Nurul Food Industry Enterprise
 - Ramly Food Processing Sdn. Bhd.
 - Faiza marketing Sdn. Bhd.
- Pinjaman, insentif dan nasihat diberikan melalui Bank Bumiputera, Perbadanan Nasional Berhad dan Bank Pertanian Malaysia.
- Kesan – muncul ramai usahawan muda yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

8. Pendidikan Tenaga Kerja Mahir

- Asas kepada latihan kemahiran ini diberikan sejak di bangku sekolah melalui Kemahiran Hidup.
- Pendidikan menengah dibahagikan ke akademik dan vokasional.
- Sekolah teknik dan vokasional, Maktab Perguruan Teknik, politeknik dan UTM ditubuhkan.
- Ditawarkan dalam pelbagai bidang untuk menampung permintaan terhadap tenaga kerja mahir.

8.3 Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

- Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dan DEB berakhir pada tahun 1990.
- Dalam tempoh pelaksanaan DEB (1970–1990), ekonomi Malaysia berkembang dengan pesatnya.
- Usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan pula oleh DPN.

1. Latar Belakang Pembentukan

- Dilancarkan oleh Tun Dr, Mahathir Mohamad pada 17.6.1991.
- Merupakan kesinambungan DEB yang dirangka untuk 10 tahun (1991-2000).
- Merupakan usaha untuk jadikan Malaysia sebuah negara maju berdasarkan Wawasan 2020.

2. Matlamat DPN

- Untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan.
- Matlamat ini dicapai melalui pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar melalui beberapa aspek.
- Dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh.

3. Objektif DPN

- Untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dengan memperkukuh kestabilan sosial dan politik.
- Mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan.

4. Strategi DPN

Ekonomi

- Pelibatan aktif pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara
- Melaksanakan program penanaman semula
- Penggunaan sains dan teknologi
- Meningkatkan pemilikan saham bumiputera

Sosial

- Memberikan insentif serta kemudahan pendidikan.
- Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

- Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif.

Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar

- Menyediakan dan menambah baik kemudahan asas.
- Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar.

8.4 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasioanal (DPN)

1. Pembasmian Kemiskinan

- Pemberian subsidi dan sokongan kepada penanam padi dan nelayan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran.
- Golongan belia diberi latihan di agensi kerajaan seperti Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) untuk mereka mendapatkan kerja yang berpendapatan tinggi.

2. Penyusunan Semula Masyarakat

- Meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden.
- Latihan bidang pengurusan harta dan etika perniagaan diberi oleh kerajaan.
- Pemberian kontrak, kuota dan lesen kepada perniagaan bumiputera dan bukan bumiputera.
- Bumiputera didedahkan teknologi baharu, kemudahan model, maklumat pasaran dan hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa.

3. Penyusunan Semula Modal Saham

- Dibuat supaya bahagian saham bumiputera dapat ditingkatkan.
- Selaras matlamat DEB dicapai sekurang-kurangnya 30 peratus dalam pemilikan, penguasaan dan pengurusan sektor moden.
- Agensi amanah yang dikhaskan untuk bumiputera:
 - Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 - Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
 - Perbadanan Kemajuan Ekonomi (PKEN)

4. Pembangunan Wilayah

- MARDI ditingkatkan.
- Konsep pertanian pintar digunakan untuk meningkatkan hasil pertanian.
- Penyebaran industri terpilih digalakkan mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri kurang maju.

8.5 Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasioanal (DPN)

1. Aspek Sosial

(a) Penurunan Kadar Kemiskinan

- Usaha mempelbagaikan kegiatan ekonomi membuka peluang pekerjaan.
- Kerajaan menambah baik peluang rakyat mendapatkan kemudahan awam yang meningkatkan taraf dan kualiti hidup.
- Pelaksanaan DEB kurangkan kemiskinan dari 49.3 (1970) ke 17.1 (1990).
- DPN mengurangkan 7.2 peratus pada 2000.

(b) Peningkatan Kualiti Hidup

- Pertumbuhan ekonomi dan pendapatan meningkat sebabkan kualiti hidup rakyat meningkat.
- Tahap kesihatan rakyat yang semakin baik,
- Aspek pendidikan, pemilikan barang keperluan asas dan infrastruktur seperti hospital dan klinik disediakan.
- Kualiti hidup semakin baik selepas 1990.

(c) Kemunculan Golongan Pertengahan

- Wujud masyarakat baharu di bandar – golongan professional, pemodal, teknikal, pentadbiran dan pengurusan.
- Perkembangan ekonomi menyebabkan bidang kerja meningkat.
- Dianggap golongan pertengahan.
- Ini menunjukkan dasar ekonomi memberi kesan kepada peningkatan taraf hidup rakyat.

- Juga memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan dan kemakmuran negara.

(d) Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

- Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera diwujudkan melalui DEB dan DPN.
- Membentuk kelas bumiputera komersial yang melibatkan diri dalam sektor korporat.
- Muncul tokoh bumiputera dalam perbankan, pemodal saham, pemilik syarikat, pemilik pelabuhan dan usahawan muda.
- Golongan ini memberikan faedah kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin.
- Tawarkan pekerjaan dalam syarikat mereka.

(e) Pembangunan Pendidikan

- Selepas 1990, berlaku pertumbuhan institusi pendidikan kerajaan dan swasta.
- Muncul graduan dalam bidang sains, teknologi dan teknikal.
- Graduan ini diperlukan kerana permintaan tinggi dalam bidang perindustrian dan ekonomi.
- Pendidikan memperbaiki taraf hidup rakyat.

(f) Pengangkutan dan Perhubungan

- Pembangunan ekonomi beri kesan terhadap pemodenan pengangkutan awam.
- Pelaburan swasta penuhi keperluan perindustrian dan perdagangan.
- Jaringan sistem jalan raya, pengangkutan udara, kereta api dan pelabuhan yang moden.
- Merencanakan aktiviti ekonomi negara.
- Sistem pengangkutan memudahkan proses integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah.

(g) Perkembangan Wilayah

- Perkembangan ekonomi sebabkan muncul bandar baharu.
- Antaranya Felda Segitiga Jengka berkembang daripada projek FELDA.
- 7.7.2011 dikenali Bandar Tun Abdul Razak.
- Dinamakan segitiga untuk mengambil kira lokasi Jengka yang terletak di antara 3 daerah, Temerloh, Maran dan Jerantut.
- Kemudahan pejabat pos, hospital, bank, institusi pendidikan, stadium mini, pusat perniagaan dan pejabat pentadbiran kerajaan disediakan.
- Kilang di kawasan perindustrian:
 - Kilang Alps
 - Kilang Bimbingan Bank Pembangunan
 - Bengkel kereta dan motor

2. Aspek Ekonomi

(a) Perindustrian Berteknologi Tinggi

- Berkembang tahun 1980-an.
- Tujuan memperkukuh perindustrian negara dan tambah kemahiran rakyat.
- Perindustrian ini melibatkan penggunaan jentera moden yang memerlukan kemahiran tinggi dan modal yang besar.
- Industri teknologi tinggi dikendalikan oleh The Heavy Corporations of Malaysia Berhad (HICOM) ditubuhkan pada 1980.
- Antara projek yang dilaksanakan:
 - Membaiki kapal (Limbungan Pasir Gudang)
 - Besi dan keluli (Perai, Pinang)
 - Loji gas cecair (Bintulu, Sarawak)
 - Stesen janakuasa (Raub, Pahang)
 - Kilang penapis petroleum (Kerteh, Terengganu)
 - Satelit komunikasi

(b) Kawasan Perindustrian Baharu

(i) Estet Perindustrian

- Dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah dan pihak swasta.

- Dibangunkan secara bandar terancang – mempunyai perumahan, pusat perniagaan, perindustrian dan pusat rekreasi.

(ii) Taman Teknologi Perindustrian

- Merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan industri.
- Di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.
- Menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi membangunkan teknologi perindustrian.

(iii) Zon Perindustrian Bebas

- Merupakan kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai atau tarif sebagai insentif
- tujuannya, menarik pengusaha labur dan merangsang ekonomi
- digunakan oleh syarikat multinasional seperti Sime Darby Berhad

(c) Kenderaan Buatan Malaysia

- Penubuhan HICOM dan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia - 1983, menggalakkan pertumbuhan industri kereta dan motor.
- Industri kereta tempatan:
 - Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) – ditubuhkan 7.5.1983
 - Perusahaan Otomobil Kedua (PERODUA) – ditubuhkan 1993
 - Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (MODENAS)
- Membuka peluang pekerjaan untuk tenaga kerja yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum.
- Dapat meningkatkan pendapatan rakyat dan taraf hidup rakyat.

T5B9 - DASAR LUAR MALAYSIA

menjalinkan hubungan dengan negara lain tanpa mengira ideologi.

9.1 Latar Belakang Dasar Luar

- Bermula sejak zaman kerajaan-kerajaan Melayu.

1. Hubungan Luar Sebelum Melaka

- Kerajaan awal P'an-p'an, Langkasuka dan Chih-t'u mengadakan hubungan dengan China.
- Bukti - P'an-P'an (424 Masihi) dan Chih-t'u (608 Masihi) hantar utusan ke China.

2. Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka

- Hubungan ini terjalin dalam dua bentuk, hubungan diplomatik dan perdagangan.
- Hubungan diplomatik - melalui penghantaran utusan.
- Hubungan perdagangan - dijalankan dengan beberapa buah kerajaan dan wilayah yang mendatangkan keuntungan kepada Melaka.
- Hubungan diplomatik:
 - China
 - Ryukyu
 - Siam
- Hubungan perdagangan:
 - China
 - Pegu
 - Luzon

Kepentingan Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka

- Menjamin kestabilan dan keselamatan kerajaan.
- Menjamin kemakmuran Melaka melalui hubungan perdagangan dengan negara lain.
- Mengekalkan penguasaan terhadap aktiviti perdagangan di Selat Melaka.
- Memperoleh perakuan tentang kedaulatan Melaka.
- Membantu Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam.

3. Zaman British

- Pada zaman British, hal ehwal negeri Melayu, NNS, Sarawak dan Sabah dikawal oleh Pejabat Tanah Jajahan di London.

4. Selepas kemerdekaan

- Kemerdekaan membolehkan kita menggubal sendiri dasar luar untuk kepentingan negara.
- Perkembangan dasar luar:
 - Semasa tempoh pentadbiran Tunku Abdul Rahman, dasar luar berbentuk probrat dan antikomunis.
 - Semasa Tun Abdul Razak, Malaysia bersikap tidak memihak dan

9.2 Asas Penggubalan Dasar Luar

- Dilaksanakan berpandukan perkembangan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat dalaman dan antarabangsa.

1. Matlamat Penggubalan Dasar Luar

- Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.
- Melindungi kepentingan nasional.
- Mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia.
- Memupuk hubungan baik dengan negara luar.
- Menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial.

2. Faktor Penggubalan Dasar Luar

(i) Ikatan Sejarah

- Antara Malaysia dengan negara lain melalui hubungan serantau dan antarabangsa.
- Negara serantau – Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Thailand, Myanmar.
- Negara ikatan keagamaan – Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki.
- Negara-negara Komanwel.

(ii) Keperluan Nasional

- Mengutamakan kepentingan dan kedaulatan negara.
- Hubungan baik menjamin kebajikan rakyat Malaysia di luar negara.
- Amalkan dasar luar bebas dan berkecuali, jalinkan hubungan semua negara tanpa kira ideologi.

(iii) Kepimpinan

- Bijak dan peka perubahan di peringkat antarabangsa.
- 1990-an jalin hubungan dengan negara membangun – Afrika dan kepulauan di Pasifik Selatan.

(iv) Persekitaran Luar

- Dasar luar disesuaikan dengan perkembangan antarabangsa.
- Probrat berubah kepada tidak berpihak bermula 1970-an.

9.3 Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB)

- PBB ditubuhkan pada 1945.
 - Bermatlamat kekalkan keamanan dan kestabilan dunia.
 - Malaysia jadi anggota PBB sejak merdeka.
- Pelibatan Malaysia**

- Pendirian Malaysia soal antarabangsa, “hidup bersama secara aman”.
- 1. Mendukung Piagam PBB**
 - Menegakkan hak asasi manusia dan menggariskan prinsip yang antaranya berkaitan dengan pencapaian taraf hidup dan hak asasi manusia tanpa mengira kaum.
 - Konsep hormat-menghormati kedaulatan wilayah negara lain.
 - Tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain.
 - 2. Terlibat dalam Agensi PBB**
 - Terlibat dengan United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organization – UNESCO (Pertubuhan pendidikan, Sains dan Kebudayaan).
 - Bekerjasama dengan Food and Agriculture Organization – FAO (Pertubuhan Makanan Sedunia) serta World Health Organization – WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia).
 - Memberikan kebenaran kepada PBB untuk membuka pejabat United Nations High Commissioner for Refugees – UNHCR (Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian) di Kuala Lumpur.
 - Menyertai Majlis Keselamatan, badan penting di PBB untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.
 - 3. Sumbangan dalam Misi Pengaman**
 - Malaysia memberi sumbangan dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara berkonflik.
 - Disiplin dan kemampuan pasukan tentera Malaysia dalam menggalas tugas misi pengaman ini diakui oleh PBB.
 - Antara misi pengaman disertai ialah:
 - Congo (1960-1964)
 - Namibia (1989-1990)
 - Somalia (1992-1995)
 - Bosnia dan Herzegovina (1992-1995)
 - Kemboja (1992-1993)
 - Lubnan (2007 hingga kini)
 - Tugasnya termasuklah memastikan keselamatan penduduk, mengawasi gencatan senjata dalam perang saudara dan mendaulatkan undang-undang negara yang terlibat.
 - 4. Misi pegawai pemerhati**
 - Tugas pegawai pemerhati termasuklah membantu pentadbiran dan

pengurusan, memberikan latihan teknikal dan menjadi jurubahasa

- Antara negara yang dibantunya ialah :
 - Kemboja (1991-1992)
 - Iraq (1991-2003)
 - Bosnia (1995-1996)

5. Tokoh Malaysia dalam Agensi PBB

- Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood (Doktor perubatan dan aktivis kemanusiaan)
- Datuk Maimunah Mohd Sharif (Penjawat awam).
- Tan Sri Razali Ismail (Tokoh diplomat).
- Dr. Jomo Kwame Sundaran (Ahli akademik).
- Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar (Pegawai tentera).

9.4 Malaysia dalam Komanwel

- Penyertaan dalam Komanwel memberikan manfaat besar kepada negara.
- Malaysia memperjuangkan hak asasi manusia, kerjasama ekonomi, pembangunan bidang sosial serta terlibat dalam pengurusan isu antarabangsa melalui Komanwel.

Penyertaan dan Sumbangan

1. Rancangan Colombo

- Bertujuan untuk menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel.
- Mendapat khidmat nasihat berkaitan dengan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan.
- Terlibat dalam program latihan untuk kakitangan awam dan pembangunan sektor swasta.
- Memberikan bantuan dalam pelbagai bidang kepada negara anggota yang belum membangun melalui Rancangan Colombo ini.

2. Kerjasama Pertahanan

- Malaysia terlibat dalam kerjasama pertahanan melalui perjanjian yang ditandatangani pada 12.10.1957 antara Britain dan Tanah Melayu.
- Perjanjian ini membolehkan Britain serta negara Komanwel memberikan komitmen terhadap pertahanan negara.
- Kerajaan menyediakan kemudahan kepada tentera British dan pasukan Simpanan Strategik Komanwel sama ada untuk obligasi Komanwel mahupun keperluan antarabangsa.

3. Kerjasama Ekonomi

- Komoditi utama negara dieksport ke negara anggota Komanwel dengan lebih mudah.
- Kadar cukai yang dikenakan lebih rendah.

- Pelbagai kemudahan disediakan seperti kemudahan kredit dan bantuan dana Komanwel.
- Pelaburan daripada negara Komanwel.

4. Penentangan Dasar Aparteid

- Malaysia menentang dasar ini.
- Sebab dasar ini menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit.
- Hasilnya, Afrika Selatan menarik diri dari Komanwel.

5. Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)

- Diadakan dua tahun sekali.
- Membincangkan isu semasa antarabangsa yang berkaitan dengan negara anggota.
- 1989 - Malaysia menjadi tuan rumah.

6. Sukan Komanwel

- Merupakan sukan kedua terbesar di dunia.
- Diadakan empat tahun sekali.
- Mampu mengeratkan hubungan antara negara anggota.
- Pencapaian atlet kita, mengharumkan nama negara.
- 1998 - Malaysia menjadi tuan rumah.

- Melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia.
- Malaysia akan peroleh bantuan teknikal dan latihan bersama bagi memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara melalui FPDA.
- Malaysia bekerjasama dengan ASEAN dalam memperkuat pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara
- Malaysia tandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand tahun 1995 – menangani isu keselamatan.

4. Cabaran Pembangunan Ekonomi

- Wujud dominasi negara maju menentukan harga bijih timah, getah, hasil minyak dan gas negara.
- Malaysia menjadi anggota pertubuhan antarabangsa seperti Majlis Timah Antarabangsa (ITC) dan Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan (GATT).
- Desakan Malaysia agar harga barangan dapat dikawal disuarakan melalui organisasi.
- Malaysia menubuhkan PETRONAS pada 1974 untuk bangunkan sektor minyak dan gas negara.

9.5 Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar

- 1970-an dasar luar Malaysia berubah dan memberi kesan kepada negara.
 - Tempoh masa ini menguji Malaysia hadapi cabaran baharu.
- 1. Cabaran Politik Antarabangsa**
 - Malaysia mengamalkan dasar berkecuali apabila menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi.
 - Menyebabkan Malaysia menjalinkan hubungan dengan China melalui lawatan Tun Abdul Razak pada 1974.
 - 2. Cabaran Politik Serantau**
 - Berlaku kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara, Malaysia turut terkesan.
 - 1976, Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemunculan Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia.
 - Membincangkan pergolakan di Indochina serta masa hadapan rantau Asia Tenggara.
 - 3. Cabaran Keselamatan dan Pertahanan**
 - Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA) - perjanjian antara Malaysia dengan Britain ditamatkan pada 1971.
 - Berikutan itu, Malaysia tandatangani perjanjian pertahanan baharu Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) pada 15.4 - 16.4. 1971.

9.6 Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

- Malaysia serius dalam hubungan dengan negara serantau.
 - Keselamatan dan masa depan Malaysia berkait rapat dengan keamanan kawasan Asia Tenggara.
 - Malaysia mendapat manfaat dalam ekonomi, sosial dan politik.
- Pelibatan Malaysia**
- 1961 – Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA) ditubuhkan.
 - Gabungan Malaysia, Filipina dan Thailand.
 - 1963 – MAPHILINDO ditubuhkan bagi selesaikan isu pembentukan Malaysia – gagal.
 - 8.8.1967 ASEAN dibentuk.
- 1. Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)**
 - Diumumkan tahun 1971 di Kuala Lumpur.
 - Langkah Malaysia menjalinkan hubungan dengan China turut dilihat sebagai sebahagian daripada konsep ZOPFAN.
 - ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau dan global. dapatkan pengiktirafan kuasa besar Amerika Syarikat, Rusia dan China.
 - 2. Penyelesaian Konflik Serantau**

- Konflik di Vietnam dan Kemboja berkaitan dengan ancaman komunis dan pelarian.
- Malaysia menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan dalam isu Vietnam.
- Isu Kemboja berjaya diselesaikan melalui pilihan raya, 1993.
- Malaysia turut menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (Misi UNTAC).

3. Kerjasama Ekonomi

- 1978, Projek Industri ASEAN (AIP) dimulakan – projek baja urea di Indonesia (1984) dan Malaysia (1986).
- Pengeluaran baja fosfat dan kuprum di Filipina serta penghasilan serbuk soda di Thailand.
- Potensi perdagangan antara negara ASEAN yang besar sebabkan Malaysia sokong konsep integrasi ekonomi ASEAN.
- Beberapa insentif dilaksanakan termasuklah melalui Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) yang dilaksanakan tahun 1978.
- Pemetongan cukai barangan ke atas pelbagai produk keluaran ASEAN melalui skim ini.

4. Kerjasama Sosial

- Malaysia jalinkan Kerjasama melalui pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara – SEAMEO.
- Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan pendidikan, pertukaran pelajar dan penubuhan pusat serantau pendidikan – Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik – RECSAM di Pulau Pinang.
- Kerjasama dalam bidang kebudayaan dilaksanakan seperti mengadakan festival kebudayaan dan kesenian melalui penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN.
- Sukan SEA untuk menjalinkan kerjasama dalam sukan.

9.7 Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)

- Selepas merdeka Malaysia amalkan dasar probarat.
- Malaysia mengubah dasar kepada berkecuali dan aktif dalam NAM.
- Membolehkan Malaysia amalkan hubungan terbuka dengan pelbagai pihak.

Peranan Malaysia

- April 1970, Malaysia hadir ke Sidang Kemuncaak di Dar es Salam, Tanzania.
- Diwakili Muhammad Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri.
- Bukti Malaysia ubah dasar luar.

1. Tuan Rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi

- 20023 - Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM kali ke-13.
- Deklarasi KL menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin serta serangan Amerika ke atas Iraq dianggap pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil.
- Menjadi tuan rumah untuk bukti kemampuan Malaysia mengendalikan persidangan bertaraf dunia.
- Negara kita menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga 2006.
- Tugas ini dilaksanakan oleh Tun Abdullah Badawi (Perdana Menteri Ketika itu).
- Kesan – menjulang nama Malaysia dalam kalangan anggota NAM.

2. Peranan dalam Politik

- Malaysia jadikan NAM platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu Aparteid.
- Setuju tekanan politik dan ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan.
- Malaysia membangkitkan isu berkaitan dengan Bosnia dan Herzegovina yang sedang ditekan oleh Serbia.

3. Dasar Keamanan dan Berkecuali

- Malaysia berpandangan bahawa negara kuasa besar (China, Amerika Syarikat dan Rusia) perlu mengakui serta tidak campur tangan atau memberikan tekanan kepada negara di rantau tersebut.
- Dalam isu kawalan senjata nuklear, Malaysia tandatangani Perisytiharan Lusaka pada 1970 sebagai iltizam NAM mendesak pengharaman senjata tersebut.

9.8 Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

- 25.9.1969 OIC ditubuhkan dan mempunyai 57 buah negara anggota.
- Ditubuhkan semasa Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat, Maghribi.
- Ketika kemuncak serangan ganas puak zionis terhadap masjid al-Aqsa.

Pelibatan Malaysia

- Bermula era Tunku Abdul Rahman.
- Suarakan diwujudkan pertubuhan Islam untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam seluruh dunia.
- April 1969 Kuala Lumpur jadi tuan rumah Persidangan Islam Antarabangsa.
- Agenda di bawa ke Rabat, Maghribi sehingga tertubuhnya OIC.

1. Setiausaha Agung Pertama

- Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Setiausaha Agung OIC pertama dari 1970 – 1974.
- Tugas beliau untuk mengukuhkan OIC dan memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia mendapat pembelaan yang sewajarnya.

2. Pengerusi OIC

- Tun Abdullah Ahmad Badawi (Perdana Menteri ke-5) dilantik sebagai pengerusi pada 2003.
- Malaysia berhadapan dengan tohmahan yang sedang melanda masyarakat Islam kerana dikaitkan dengan 3K, iaitu keganasan, kemiskinan, kemunduran.
- Malaysia ketengahkan nilai sederhana dan tolak keganasan.

3. Pembangunan Pendidikan

- Melalui pembiayaan pelajaran dan kebajikan.
- Buktinya ditubuhkan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM).
- Memberikan biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di sini.

4. Menangani Isu Politik Negara Islam

- Ogos 1988, Malaysia menjadi perantara bagi menyelesaikan konflik Iran -Iraq melalui OIC.
- Seramai 15 orang pegawai tentera Malaysia dihantar menyertai tentera pemerhati PBB.
- Malaysia memberikan sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO).
- Mei 1983, Malaysia jadi tuan rumah Persidangan Keserantau Asia berkaitan Palestin di Kuala Lumpur.
- Malaysia sokong hak rakyat Palestin tentukan nasib sendiri dan hak mempunyai negara merdeka.
- Malaysia juga menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Regim Kabul yang dibantu Kesatuan Rusia sejak 1979.
- 1984, Malaysia benarkan Mujahidin Afghanistan buka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur.

5. Pembangunan Ekonomi

- Malaysia turut aktif membangunkan ekonomi negara anggota OIC.
- Malaysia menyokong aktiviti Bank Pembangunan Islam (IsDB) yang ditubuhkan pada 1973.
- Malaysia menyertai IsDB dan mendapat faedah berupa pinjaman daripada bank ini untuk membiayai projek pembangunan negara.

- IsDB membawa perkembangan penting dalam sistem perbankan Islam melalui penubuhan bank Islam di serata dunia seperti Dubai Islamic Bank 1975, Islamic bank of Bahrain dan Bank Islam Malaysia Berhad 1983.

T5B10 - KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

10.1 Malaysia dalam Isu Global Kontemporari

- Malaysia sebuah negara yang mengamalkan sikap terbuka.
 - Isu ekonomi, politik dan sosial di peringkat global mempengaruhi perkembangan negara.
 - Malaysia menangani pelbagai isu tanpa sebarang konflik menyebabkan Malaysia dihormati negara lain.
1. **Penyalahgunaan Dadah**
 - Dadah – merupakan isu global yang dihadapi Malaysia.
 - Malaysia mengisytiharkan perang terhadap penyalahgunaan dadah dan menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah.
 - Menyuarakan bahaya penyalahgunaan dadah dalam forum antarabangsa iaitu Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa - IDEC.
 - Mendapatkan kerjasama Polis Antarabangsa (International Criminal Police Organization) – INTERPOL dan kerjasam dengan negara lain.
 - Tun Dr. Mahathir menjadi Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa 1988.
 2. **Pertindihan Sempadan**
 - Isu tuntutan sempadan dan hak milik bertindih dengan negara lain.
 - Tuntutan Pulau Batu Putih melibatkan Malaysia dan Singapura.
 - Pulau Sipadan dan Ligatan antara Malaysia dan Indonesia.
 - Berjaya diselesaikan oleh Mahkamah Antarabangsa.
 - 2002, mahkamah putuskan Pulau Sipadan dan Ligatan menjadi hak Malaysia.
 - 2008, Pulau Batu Putih milik Singapura.
 - Isu tuntutan Kepulauan Spratly melibatkan China, Vietnam, Brunei dan Filipina masih belum selesai hingga kini.

- Kepulauan Spratly jadi rebutan kerana terletak di tengah-tengah Asia Tenggara dan sesuai untuk perdagangan.
- 1979, Malaysia menuntut Kepulauan Spratly termasuk dalam wilayah Malaysia (Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984).
- Isu Spratly dibangkitkan dalam Forum ASEAN - China pada 1995 bagi menyelesaikan isu ini.

3. Kempen Antiminyak Sawit

- Dilancarkan oleh negara maju yang menggugat pengeluaran minyak sawit Malaysia dan Indonesia.
- Minyak sawit jadi pesaing minyak kacang soya hingga kempen antiminyak sawit dijalankan oleh pengeluar minyak kacang soya, American Soybean Association – ASA.
- Gerakan dilaksanakan pengeluar minyak kacang soya, iaitu ASA dan pihak NGO Pencinta Alam di Eropah.
- Bagi ASA – minyak sawit menjejaskan penjualan minyak kacang soya.
- Bagi NGO Pencinta Alam – tanaman kelapa sawit jadi punca kemusnahan habitat haiwan liar dan pencemaran alam sekitar.
- Malaysia mengadakan kempen melalui pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) dan mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak 2019.
- Bertujuan menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan dan pelaksanaan amalan baik seperti Good Agricultural Practises (GAP) – Amalan Pertanian Baik.
- Malaysia bertindak secara berhemah bagi mengelakkan konflik dengan negara lain.

4. Pemerdagangan Orang

- Merupakan jenayah terancang dan mengancam hak asasi manusia serta keselamatan negara.
- Kemakmuran Malaysia menarik kehadiran warga asing yang masuk ke Malaysia.
- Mereka masuk melalui sindiket pemerdagangan orang.
- Malaysia jadi lokasi sebagai transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain kerana berkedudukan strategik.
- Malaysia menguatkuasakan undang-undang dan memberikan bantuan kepada mangsa pemerdagangan orang.
- Undang-undang dikuatkuasakan melalui Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 dan Protokol PBB – mencegah, menyekat dan menghukum pesalah.

- 2007, menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act – ATIPSOM).
- 2008, Malaysia menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Council For Anti - Trafficking in Persons and Anti - Smuggling of Migrants – MAPO)
- 2010-2015, Malaysia mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang – menjalankan rundingan, kuatkuasa, pendakwaan dan perlindungan.

5. Penyakit Berjangkit

- Fenomena yang wujud dalam masyarakat seluruh dunia – Sindrom Kurang daya tahan Melawan Penyakit (AIDS).
- 1986, penyakit ini dikesan di Malaysia.
- Sehingga 2014, 100 000 kes dilaporkan dan 16 000 kematian.
- Penyakit merebak disebabkan gaya hidup tidak sihat dan penyalahgunaan dadah.
- Kementerian Kesihatan memberi rawatan dan pemeriksaan berterusan kepada mangsa.
- Kesannya, Malaysia berjaya kawal penularan wabak.
- 2018, WHO akui pencapaian Malaysia antara negara yang berjaya kawal wabak daripada ibu kepada anak.
- Sejak 2011, Malaysia dukung hasrat PBB jadikan dunia bebas AIDS tahun 2030.
- Malaysia laksanakan Pelan Strategik Kebangsaan Mengakhiri AIDS (National Strategic Plan for Ending AIDS – NSPEA).
- Malaysia sambut Hari AIDS Sedunia yang diadakan 1.12. setiap tahun.

10.2 Peranan Malaysia dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa

- Malaysia amalkan ekonomi pasaran bebas selaras perkembangan ekonomi antarabangsa.
 - Malaysia turut berperanan dalam hubungan ekonomi antarabangsa – terlibat dalam pelbagai perjanjian ekonomi.
- ### 1. Meluaskan Pasaran Ekonomi
- Malaysia bersetuju untuk mempermudah dan meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN.
 - Ini membawa kepada perjanjian Kawasan perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN Free Trade Area – AFTA) tahun 1992.
 - AFTA bertujuan menjadikan ASEAN tempat produktif yang kompetitif bagi hasil

keluaran ASEAN – mengurangkan tarif dan cukai barangan.

- Malaysia terlibat sepenuhnya dalam AFTA untuk kebaikan ekonomi negara.

2. Dominasi Ekonomi Negara Maju

- Ekonomi Malaysia bergantung pada pasaran domestik dan antarabangsa.
- Malaysia berhadapan dengan sikap negara maju yang mengenakan pelbagai sekatan dan halangan perdagangan dalam bentuk tarif dan cukai.
- Kesannya, menjejaskan perdagangan negara.
- Malaysia bersuara agar layanan yang saksama diberi untuk semua negara.
- Dibangkitkan dalam pelbagai forum antarabangsa termasuk di PBB dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Asia - Pacific Economic Cooperation - APEC).

3. Kerjasama Pembangunan Segi Tiga

- Malaysia berperanan dalam pembangunan ekonomi melibatkan kerjasama pembangunan segi tiga, iaitu pembangunan wilayah baharu yang dimajukan bersama negara ASEAN.
- Tujuan dapatkan keuntungan bersama.
- Manfaat – Malaysia dapat kurangkan monopoli pasaran barangan ASEAN daripada negara maju.
- Dapat mengurangkan dari bergantung pada pasaran kewangan antarabangsa.
- Mewujudkan pelbagai badan dan tindakan yang berkaitan seperti Koperasi ASEAN dan Bank ASEAN.
- Cadangan menggunakan wang ASEAN dan bendering campur tangan ekonomi negara maju.

4. Menangani Kemelesetan Ekonomi

- 1997-1998, Malaysia hadapi kemelesetan ekonomi iaitu nilai ringgit jatuh disebabkan spekulasi mata wang.
- Menyebabkan pelabur luar menarik pelaburan mereka hingga jejakkan ekonomi Malaysia.
- Malaysia didesak mencontohi negara lain menggunakan pelan perancangan tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tetapi Malaysia enggan terima.
- Malaysia guna pendekatan sendiri dalam usaha memulihkan keadaan.
- Caranya menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dollar (USD) dengan kadar RM3.80 bagi USD1.
- Langkah ini berjaya memulihkan ekonomi negara.

5. Mengantarabangsakan Sistem Kewangan Islam

- Sejak 2001 Malaysia terlibat dalam usaha bangukan sistem kewangan Islam.
- Sistem kewangan Islam yang dibangukan adalah progresif dan komprehensif hingga menyumbang pada keberkesanan sektor kewangan negara.
- Buktinya, Malaysia menduduki kedudukan utama dalam pelbagai indeks global termasuk menjadi pasaran sukuk (Sijil Kewangan Islam) terbesar dunia.
- Malaysia tubuhkan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) bertujuan menyokong perkembangan kewangan Islam.

10.3 Pelibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan

- Malaysia suarakan isu kemanusiaan dan keamanan melalui PBB, Komanwel, OIC dan ASEAN.
 - Rakyat Malaysia terlibat aktif dalam pelbagai aktiviti sukarelawan peringkat antarabangsa danserantau.
- #### 1. Isu Palestin
- Isu ini sangat dekat dengan dasar luar dan domestik Malaysia.
 - Diperjuangkan semua Perdana Menteri Malaysia sejak zaman Tunku Abdul Rahman.
 - Sejak 1948, rejim Zionis Israel bertindak kejam, mengusir dan membunuh penduduk Palestin.
 - Malaysia berjuang untuk hak dan keadilan rakyat Palestin melalui Pertubuhan Bukan kerajaan (Non-Governmental organization – NGO).
 - NGO membolehkan satu bentuk koordinasi membantu warga Palestin dapat dilaksanakan.
 - Antara NGO yang membantu:
 - Aman Palestin
 - Cinta Gaza Malaysia (CGM)
 - Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)
 - Muslim Care Malaysia
 - Rakyat Malaysia turut sokong dengan cara:
 - Melakukan demonstrasi – tanda sokongan
 - Tubuhkan Tabung Palestin – kutip sumbangan kewangan
 - Menghantar bantuan makanan dan perubatan – menerusi program Freedom Flotilla (digerakkan oleh Free Gaza Movement).

2. Isu Syria

- Krisis politik Syria bermula 2011, menyebabkan rakyatnya mengalami kesengsaraan seperti kekurangan makanan dan kemudahan perubatan.
- Malaysia tampil memberikan bantuan dan sokongan.
- 1.10.2015, kerajaan mengumumkan sedia menerima 3000 orang pelarian warganegara Syria dalam tempoh 3 tahun secara sukarela atas dasar kemanusiaan.
- Antara NGO yang membantu :
 - Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)
 - Cinta Syria Malaysia (CSM)
 - Global Peace Mission (GPM)
- Sumbangan rakyat Malaysia:
 - Tabung Kemanusiaan Program Penempatan Migran Syria – 20.5.2016.
 - Menyertai perhimpunan solidariti menyokong Syria.
 - 2017, menghantar memorandum bantahan kepada Kedutaan Syria di Kuala Lumpur berkaitan kekejaman di Syria.

3. Tsunami di Aceh dan Sri Lanka

- 2004, Tsunami musnahkan Aceh dan Sri Lanka.
- Malaysia melancarkan bantuan seperti bantuan perubatan, makanan dan keperluan harian.
- Antara NGO yang membantu:
 - Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia)
 - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
 - Yayasan Restu

10.4 Usaha Mengekalkan Kelestarian Global

- Malaysia memberi komitmen tinggi dalam pemeliharaan alam sekitar.
- ### 1. Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi
- Oktober 1989, Deklarasi Langkawi diadakan sempena Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel.
 - Usaha menangani isu alam sekitar – kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon dan pencemaran akibat aktiviti manusia yang tidak terkawal.
 - Bukti komitmen Malaysia:
 - 1991, Anugerah Langkawi – diberikan kepada warganegara Malaysia yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar.
 - 2002, Malaysia melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara - menjadi asas dalam pembangunan negara.

- 2006, negeri Kedah mengisytiharkan Langkawi sebagai geopark bagi memastikan kelestariannya terjamin.
- 2009, melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara.
- Tujuan menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau bagi mengawal perubahan iklim.

2. Menyertai Sidang Kemuncak Bumi

- 1992, Sidang kemuncak Bumi di Rio de Janeiro diadakan dicetuskan oleh isu pencemaran alam sekitar.
- Malaysia menghadiri siding ini tanda komitmen.
- Sidang Kemuncak Bumi mengeluarkan deklarasi Agenda 21.
- Agenda 21 merupakan dokumen umum bagi pengurusan aktiviti manusia dalam negara.
- Mwnywnth pembangunan abad ke-21 bagi mengatasi masalah kemiskinan, kebuluran dan kemerosotan ekosistem.
- Malaysia terlibat dalam Protokol Kyoto 1997 dan persidangan alam sekitar di Bali pada 2007.
- Merupakan persetujuan dan persefahaman negara maju bagi mengurangkan pembebasan gas rumah hijau dan galakkan guna tenaga baharu – tenaga solar.
- Hasrat Malaysia untuk menerapkan dan mengguna pakai segala saranan agenda dalam program pembangunan negara.

3. Antartika sebagai Warisan Sejagat

- Malaysia bangkitkan isu Antartika yang menganggap penerokaan terhadap benua ais itu dilakukan secara tidak adil.
- Penerokaan didominasi sebahagian kecil negara.
- Pandangan Malaysia diutarakan melalui NAM sejak 1993.
- Dalam Sidang Kemuncak NAM ke-7 di New Delhi, Malaysia mendesak PBB mengambil langkah pertama menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat.
- Malaysia cadang PBB mentadbir Antartika agar segala bentuk hasil di benua tersebut dikongsi oleh semua negara.
- Malaysia mengambil inisiatif membentuk pasukan penyelidikan dalam pelbagai bidang ke Antartika.
- Antaranya Dr Haji Omar Abdul Rahman yang melawat Antartika tahun 1985.
- Malaysia melakukan penyelidikan di Antartika sejak 1999 – bidang perubahan iklim dan kajian gas rumah hijau.

- Mewujudkan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan – di Universiti Malaya dan diterajui Dr Azizan Abu Samah.
- Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) terlibat dalam penyelidikan saintifik di Antartika.
- Malaysia membuktikan negara kecil mampu capai kejayaan jika diberi peluang dalam penyelidikan di Antartika.

10.5 Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan

1. Komuniti ASEAN

- 2015, Komuniti ASEAN ditubuhkan melalui Deklarasi Kuala Lumpur sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN ke-27.
- Merupakan satu langkah menyeluruh, strategik dan bersifat memandang ke hadapan serta mencerminkan aspirasi ASEAN.
- Memberikan fokus pada ekonomi, sosiobudaya dan keselamatan.
- Melalui komuniti keamanan, menjadi harapan agar keselamatan rantau ASEAN kekal terjamin.
- Hasrat sosiobudaya, agar integrasi antara negara anggota ASEAN dapat ditingkatkan.

2. Keselamatan Makanan

- 1996, United Nations' Committee (UNC) menyebut keselamatan makanan merujuk setiap orang pada setiap masa mempunyai akses kepada sumber makanan.
- Antara isu keselamatan makanan:
 - Kenaikan harga barangan yang keterlaluan
 - Bekalan barangan terhad kerana masalah pengeluaran
 - Bencana alam
 - Pencemaran makanan
- Malaysia dan negara ASEAN tubuhkan Rizab Sekuriti Makanan ASEAN.
- Tujuan penubuhan:
 - Mendapatkan maklumat tentang dasar sekuriti makanan bagi negara anggota ASEAN.
 - Membentuk Simpanan Beras Kecemasan ASEAN.
- Rizab digunakan sewaktu kecemasan dan kadar ditetapkan sebanyak 50 000 tan yang disimpan sebagai stok.

3. Alam Sekitar

- Isu utama yang perlu ditangani Malaysia dan negara ASEAN adalah isu jerebu.
- Disebabkan pembakaran terbuka yang tidak terkawal – pembakaran hutan.

- Malaysia dengan negara ASEAN mengambil langkah aktif untuk mengatasi isu alam sekitar.
- Dilaksanakan melalui Perjanjian ASEAN berkaitan dengan Pencemaran Jelebu Merentas Sempadan.
- Negara anggota disarankan untuk mengambil langkah dari aspek undang-undang.
- Pelaksanaan undang-undang penting bagi memastikan krisis jerebu tidak berlaku – prinsip "ASEAN Tanpa Jerebu 2020".
- Malaysia dan Singapura bekerjasama melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pencegahan kebakaran di tanah gambut untuk menangani isu jerebu.

4. Zon Bebas Nuklear

- 1995, Malaysia menandatangani Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ).
- Menekankan agar negara yang terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear.
- Kedudukan Asia Tenggara yang strategik menjadikan Malaysia terlibat dalam persaingan kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat yang memiliki senjata nuklear.
- Malaysia bertindak untuk tidak membenarkan kapal yang membawa senjata nuklear berlabuh atau mengadakan latihan di perairan negara – Selat Melaka dan Laut China Selatan.

5. Kerelevanan Organisasi Antarabangsa

- Pertubuhan dunia seperti PBB dan OIC tidak mampu berfungsi dengan baik dalam mencapai matlamatnya melindungi hak dan kedudukan negara kecil yang sedang membangun.
- Malaysia berpandangan penggunaan kuasa veto oleh kuasa besar tidak boleh disalahgunakan dan mereka tidak terkecuali daripada undang-undang antarabangsa.
- 2019, Malaysia anjurkan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur melibatkan 56 negara Islam dengan 450 perwakilan.
- Matlamatnya untuk merapatkan jurang dan kedudukan masyarakat Islam bagi menangani pelbagai isu.

6. Hak Asasi Manusia, Pelarian dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

- Malaysia sedar isu ini saling berkait dan penting.

- Kemakmuran dan keamanan Malaysia menjadi faktor penarik kemasukan PATI dan pelarian.
 - Masalah ini memberi kesan terhadap ekonomi, sosial, jenayah, politik dan mengancam keselamatan negara.
 - Malaysia membendung kemasukan PATI melalui pengukuhan mekanisme pengurusan warga asing.
 - Malaysia terlibat dalam pelbagai program PBB terutama Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR).
 - Malaysia dilantik sebagai ahli suruhanjaya UNHCR dari 1993-1995.
 - 1999, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan iaitu sebuah badan berkaitan dengan hak asasi manusia.
-